

**FESYEN PEMAKAIAN TUDUNG DI KALANGAN REMAJA :  
SATU KAJIAN DI JITRA**

**MOHD SYAH ZALI BIN RAMLE**

**FAKULTI SAINS SOSIAL GUNAAN  
OPEN UNIVERSITY MALAYSIA**

**2013**

**FESYEN PEMAKAIAN TUDUNG DI KALANGAN REMAJA: SATU KAJIAN DI JITRA**

**MOHD SYAH ZALI BIN RAMLE**

**BIS  
2013**

**FESYEN PEMAKAIAN TUDUNG DI KALANGAN REMAJA :  
SATU KAJIAN DI JITRA**

**MOHD SYAH ZALI BIN RAMLE**

Kertas Projek yang dikemukakan sebagai memenuhi  
sebahagian keperluan untuk Ijazah Sarjana Muda dalam  
bidang Pengajian Islam

Fakulti Sains Sosial Gunaan  
Open University Malaysia

2013

## **PERAKUAN**

Nama: Mohd Syah Zali Bin Ramle

No Metrik: 831031025081-001

Saya dengan ini memperakukan bahawa Kertas Projek ini adalah hasil kerja saya sendiri, kecuali untuk petikan dan ringkasan yang telah diperakui

Tandatangan:

Tarikh:

**FESYEN PEMAKAIAN TUDUNG DI KALANGAN REMAJA :****SATU KAJIAN DI JITRA****MOHD SYAH ZALI BIN RAMLE****Mei 2013****ABSTRAK**

Kajian ini adalah mengkaji tahap penerimaan dan pengamalan remaja Islam terhadap fesyen bertudung. Tujuan kajian ini adalah mengenai pandangan pelajar wanita Islam tentang fesyen bertudung remaja Islam terkini, pandangan terhadap fesyen bertudung dan juga mengetahui tahap kefahaman remaja Islam mengenai tuntutan bertudung khususnya di Jitra, kedah. Kajian ini hanya dilaksanakan berkenaan fesyen bertudung di kalangan remaja perempuan Islam di Pekan Jitra sahaja. Penyelidik akan memilih 50 responden. Kajian kuantitatif ini menggunakan soal selidik sebagai instrumen kajian. Aurat bagi mendapatkan gambaran yang jelas berkenaan fesyen pemakaian tudung di kalangan remaja. Secara keseluruhannya, dapatan kajian menunjukkan bahawa majoriti responden mengetahui konsep, kewajipan bertudung serta mengikuti perkembangan fesyen bertudung. Namun, kurang memberikan maklumbalas yang baik dari sudut pengamalannya. Hasil daripada dapatan kajian yang diperolehi, penulis mengemukakan beberapa cadangan berkenaan fesyen bertudung supaya dapat diaplikasikan dalam kehidupan masyarakat seharian.

*Katakunci:* Fesyen bertudung

## PENGHARGAAN

Alhamdulillah, syukur ke hadrat Allah S.W.T dengan limpah kurniaNya yang memberikan kesihatan yang baik sepanjang melaksanakan projek ini. terima kasih atas sokongan kawan-kawan, ahli keluarga atas dorongan yang diberikan sepanjang tempoh menyiapkan projek ini.

Ucapan jutaan Terima kasih penyelidik kepada penyelia tesis yang menyelia kerja penyelidik iaitu Ustaz Zulkifli Bin Mohd Noor yang telah memberi sepenuh kepercayaan kepada penyelidik untuk menyiapkan kajian ilmiah ini. Beliau telah banyak membantu dan sudi meluangkan masa untuk memberikan bimbingan dan tunjuk ajar serta nasihat kepada penyelidik. Segala usaha beliau tidak akan penyelidik lupakan.

Teristimewa buat emak, ayah serta isteri yang telah banyak berjasa kepada penyelidik dan tidak putus-putus mendoakan yang terbaik kepada penyelidik di dunia dan akhirat. Jasa dan pengorbanan mereka tidak dapat penyelidik lupakan. Mudah-mudahan Allah s.w.t. melimpahkan rahmat dan maghfirahnya kepada kami sekeluarga.

Budi baik dan kerjasama yang telah diberikan oleh semua pihak sama ada secara langsung atau tidak langsung amatlah penyelidik hargai. Hanya Allah s.w.t yang dapat membalas dan memberikan ganjaran yang setimpal buat anda semua.

Penyelidik,

Mohd Syah Zali Bin Ramle.

No. 100 Taman Sri Makmur,

06000 Jitra, Kedah Darul-Aman.

**SENARAI SINGKATAN**

a.s	: 'alaihissalam
Bil	: Bilangan
Cet.	: Cetakan
Dr	: Doktor
Hj	: Haji
Hlmn	: Halaman
IPT	: Institut Pengajian Tinggi
<i>Ibid</i>	: <i>ibidem</i> (pada sumber yang sama, dibuat berturut-turut)
Keb	: Kebangsaan
Men	: Menengah
Op.Cit.	: Dalam karya tersebut (untuk rujukan berselang)
Prof.	: Profesor
r.a	: Radiallahu' anhu
s.a.w.	: Sallallah A'laihi Wassallam
Sdn. Bhd	: Sendirian Berhad
Sek	: Sekolah
s.w.t	: Subhanahu Wa Ta'ala
t.p	: Tanpa penerbit
t.t	: Tanpa terbitan

t.t	: Tanpa tarikh
terj	: Terjemahan
Ust.	: Ustaz
UTM	: Universiti Teknologi Malaysia
Wbt	: wabarakatuh

**SENARAI LAMPIRAN**

Lampiran	Halaman
Lampiran A : Borang Soal Selidik	60-65
Lampiran B : Gambarajah Fesyen Tudung	66



**SENARAI JADUAL**

Jadual	Halaman
Jadual Kekerapan 4.2.1: Umur Responden	29
Jadual Kekerapan 4.2.2: Status perkahwinan Responden	29
Jadual Kekerapan 4.2.3: Taraf pendidikan Responden	30
Jadual Kekerapan 4.2.4: Latar Belakang Pendidikan Responden	32
Jadual Kekerapan 4.2.5: Tempat Tinggal Responden	33
Jadual Kekerapan 4.2.6 Maklumat Kerjaya Responden	34

**SENARAI GAMBARAJAH**

Gambarajah	Halaman
Gambarajah 4.4.1:Jenis Fesyen Yang Paling Digemari Oleh Responden	40-42

**SENARAI CARTA**

Senarai Carta Pai	Halaman
Carta pai 4.3.1: Reaksi Responden Semasa Memakai Tudung	35
Carta pai 4.3.4: Perkara Yang Mendorong Responden Bertudung	38
Carta Pai 4.4.4: Punca Kepelbagai Fesyen Bertudung Remaja	47

## SENARAI GRAF

Senarai Graf	Halaman
Graf 4.3.2: Sebab Memakai Tudung	36
Graf 4.3.3: Sejak Bila Responden Memakai Tudung	37
Graf 4.4.2: Kenapa Responden Memilih Untuk Berfesyen Sedemikian	45
Graf 4.4.3: Fesyen Tudung Yang Gemar Dipakai Oleh Responden	46

## SISTEM TRANSLITERASI

### Transliterasi Huruf Arab Ke Huruf Rumi

Konsonan pada huruf Arab tidak selamanya sepadan dengan huruf rumi. Pada beberapa konsonan tertentu, konsonan tersebut boleh dirumikan, tetapi pada beberapa konsonan tertentu, terpaksa dilakukan beberapa tambahan. Hal ini tersebut dapat dilihat seperti di bawah ini:

#### HURUF ARAB

ا

ب

ت

ث

ج

ح

خ

د

ذ

ر

ز

س

ش

#### HURUF RUMI

-

b

t

th

j

h

kh

d

dh

r

z

s

sy

س	s
د	d
ط	t
ظ	z
ح	'
غ	gh
ف	f
ق	q
ك	k
ل	l
م	m
ن	n
و	w
هـ	h
ء	—,
ي	y
ة	t,h

Sumber:

Kementerian Pendidikan Malaysia. 1998. *Pedoman Transliterasi huruf Arab ke Huruf Rumi*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka

**DAFTAR ISI**

ISI KANDUNGAN	HALAMAN
TAJUK HALAMAN	
PERAKUAN	i
ABSTRAK	ii
PENGHARGAAN	iii
SENARAI SINGKATAN	iv - v
SENARAI LAMPIRAN	vi
SENARAI JADUAL	vii
SENARAI GAMBARAJAH	viii
SENARAI CARTA	ix
SENARAI GRAF	x
SISTEM TRANSLITERASI	xi - xii
DAFTAR ISI	xiii-xv

<b>Bab I: Pendahuluan:</b>	1-5
1.1 Latarbelakang Kajian	1-2
1.2 Pernyataan Masalah	2
1.3 Objektif Kajian.	3
1.4 Persoalan Kajian	3-4
1.5 Hipotesis kajian	4
1.6 Sumbangan Kajian	4-5
1.7 Batasan Kajian	5
<b>Bab II: Kajian Literatur</b>	6-20
2.1 Pendahuluan	6-7
2.2 Definisi Tudung	7-9
2.3 Dalil Pensyariatan	9-14
2.3.1 Menurut Al-Quran	10-13
2.3.2 Menurut Hadis	13-14
2.4 Hukum	14-15
2.5 Konsep Pemakaian Tudung	15-18
2.5.1 Menurut Syarak	15-17
2.5.2 Menurut Adat	18
2.6 Perkembangan Fesyen Tudung Sejak Tahun 1960-an Sehingga Sekarang	18-19
2.7 Kesimpulan	20
<b>Bab III: Metod Kajian</b>	21-27
3.1 Pengenalan	21
3.2 Waktu dan lokasi penyelidikan	21
3.3 Responden	22
3.4 Rekabentuk Kajian	22-23
3.5 Populasi Kajian	23
3.6 Kaedah Persampelan	24
3.7 Instrumen Kajian	24-25
3.8 Prosedur Pengumpulan Data	25-26
3.9 Penganalisan Data.	26



3.10 Kesimpulan	27
<b>Bab IV: Hasil Temuan dan Perbincangan</b>	28-51
4.1 Pendahuluan	28
4.2 Latar Belakang Responden	28-34
4.3 Reaksi Responden Terhadap Kaji Selidik Yang Dijalankan	34-39
4.4 Sokongan Responden Terhadap Kaji Selidik Yang Dijalankan	40-47
4.5 Pendapat Responden	47-50
4.6 Kesimpulan	50-51
<b>Bab V: Penutup</b>	52-56
5.1 Rumusan	52-54
5.2 Cadangan	55-56
<b>BIBLIOGRAFI</b>	57-59
<b>LAMPIRAN</b>	60-66
Soal Selidik	60-65
Gambarajah	66

# BAB SATU

## BAB SATU

### PENDAHULUAN

#### 1.1 Latar Belakang Kajian

"*Fesyen*" merupakan satu seni yang berkaitan dengan pakaian atau tudung. Fesyen akan berubah mengikut arus dan adat sesuatu kawasan dan masa. Menurut Islam, fesyen termasuklah berkaitan tabarruj, kerana ia bertujuan untuk kecantikan. Islam tidak melarang umatnya mengenakan tudung yang pelbagai bentuk, atau fesyen untuk kelihatan cantik. Sememangnya dalam Islam mementingkan kecantikan.

Dengan perkembangan arus kemodenan fesyen, remaja juga tidak terkecuali dalam mengikut trend pemakaian bertudung yang pelbagai bentuk atau cara pemakaian kini. Ini adalah disebabkan gaya komersil yang diperagakan oleh personaliti di televisyen seperti Wardina, Waheeda, Bienda, dan ramai lagi sedikit sebanyak ia turut memberi impak yang berkesan kepada para remaja untuk mengikutinya, kebanyakan remaja menjadikan artis atau model sebagai idola mereka.

Islam telah menerangkan mengenai hukum serta hikmah pemakaian yang berlandaskan kepada syariat kerana ianya mampu menjaga kehormatan insan. Bertudung adalah bukan sekadar mengikut fesyen semata-mata atau menutupi kepala sahaja tetapi konsep pemakain tudung yang sebenar adalah menutupi seluruh anggota badan perempuan dari hujung rambut hingga ke paras dada mereka<sup>1</sup>.

---

<sup>1</sup>Haya Binti Mubarak Al-Barid. 2001. Ensiklopedia Wanita Muslimah. Kuala Lumpur: Pustaka Jiwa. Hlm. 205

Adalah dirasakan penting untuk mengkaji masalah ini bagi memahami sejauhmana remaja perempuan di Pekan Jitra mengenakan fesyen bertudung. Ianya juga perlu bagi mengetahui sejauh manakah fesyen bertudung ini memberi kesan kepada remaja-remaja perempuan Islam yang lain.

## **1.2 Penyataan Masalah**

Isu bertudung bukanlah isu baru di kalangan masyarakat Islam. Hal ini sudah wujud sejak zaman awal kedatangan Islam sehingga kini. Terdapat pelbagai nas yang menceritakan tentang isu bertudung seperti nas-nas al-Quran dan hadis. Namun dalam isu fesyen bertudung, adakah ianya mampu menepati kehendak dan ketetapan yang digariskan oleh Allah s.w.t dalam menutup aurat ketika bertudung. Hal ini kerana terdapat pelbagai jenis fesyen bertudung dan cara pemakaiannya yang berbeza-beza mampu mengikut kehendak syarak.

Dewasa ini, kebanyakan umat Islam sudah tidak mengambil berat berkaitan dengan garis panduan yang telah ditetapkan oleh Islam berkaitan pemakaian bertudung di kalangan wanita Islam. kebanyakan wanita Islam pada masa kini lebih mementingkan fesyen bertudung berbanding menutup aurat dengan cara bertudung sedangkan keutamaan dalam Islam ialah menutup aurat.

Selain itu, masyarakat menganggap bahawa isu bertudung merupakan perkara remeh temeh dan sudah memadai jika bertudung tanpa melihat kepada ketetapan bertudung yang dikehendaki oleh Islam. Oleh yang demikian, penyelidik merasakan perlu dibuat satu kajian untuk mengkaji fesyen bertudung di kalangan remaja pada masa kini.

### **1.3 Objektif Kajian**

Dalam membuat sesuatu kajian terdapat objektif-objektif tertentu yang mendorong penyelidik dalam kajian ini. Antara objektif tersebut ialah:

- 1.3.1 Penyelidik juga ingin mendapatkan maklumat yang lebih tepat mengenai pemahaman bertudung di kalangan remaja khususnya dan wanita amnya.
- 1.3.2 Memperkembangkan lagi pengetahuan masyarakat dan remaja terhadap pemakaian tudung yang sebenar yang mendorong kepada punca kepelbagaian fesyen bertudung di dalam pemakaian tudung di kalangan remaja.
- 1.3.3 Mengusulkan beberapa cadangan dan langkah yang mungkin dapat membantu dalam mengenalpasti fesyen di kalangan remaja pada masa kini.

### **1.4 Persoalan kajian**

Di dalam melaksanakan kajian ini terdapat beberapa persoalan yang perlu dijawab dan diuraikan odalam tugas ini. Antara persoalan-persoalan tersebut adalah:

- 1.4.1 Berdasarkan kajian ini akan cuba menjawab persoalan persoalan berikut:  
Sejauh manakah fesyen bertudung di kalangan remaja.
- 1.4.2 Apakah fesyen bertudung yang paling diminati remaja masa kini.

1.4.3 Adakah fesyen bertudung mampu mengikut kehendak syarak.

## **1.5 Hipotesis kajian**

Hipotesis adalah satu tanggapan awal penyelidik dalam menjalankan kajian. Penyelidik beranggapan bahawa timbulnya kepelbagaian fesyen bertudung sekarang adalah antara disebabkan oleh ramainya di kalangan remaja sekarang untuk menjadikan trend masa kini.

1.5.1 Segelintir individu kurang memahami konsep pemakaian tudung yang disyariatkan oleh Islam. Berkemungkinan sebahagian dari mereka berpegang kepada konsep menutup kepala semata-mata.

1.5.2 Terdapat pelbagai faktor yang telah mendorong kepada kepelbagaian cara pemakaian bertudung.

1.5.3 Perlaksanaan pemakaian tudung adalah bebas kecuali di sekolah-sekolah kerajaan dan di pejabat-pejabat tertentu disebabkan oleh polisi-polisi tertentu.

## **1.6 Sumbangan Kajian**

Kajian ini sangat penting untuk memberikan pendedahan serta pengetahuan kepada masyarakat Islam, khususnya wanita Islam dalam fesyen bertudung yang sebenarnya merangkumi persyaratan pakaian yang memenuhi tuntutan syariat Islam, batasan aurat wanita dan beberapa aspek lain yang dibincangkan. Ianya juga bertujuan untuk

memberikan kesedaran dan kefahaman kepada wanita Muslim dan masyarakat umum berkenaan fesyen bertudung wanita menurut perspektif Islam, memandangkan masih ramai lagi di kalangan wanita muslim yang tidak jelas tentang konsep bertudung yang sebenar sebagaimana yang dikehendaki oleh syarak.

Penyelidik juga berharap agar kajian ini dapat membantu masyarakat mengenakan fesyen bertudung yang sesuai khususnya kepada wanita Muslim supaya pemakaian tudung mereka bertepatan dengan garis panduan yang ditetapkan oleh Allah s.w.t di dalam al-Quran dan melalui sunnah rasulnya iaitu sunnah Nabi Muhammad s.a.w.

Selain daripada itu, kajian ini juga bermatlamat untuk memberi gambaran, maklumat dan idea kepada pihak berkuasa tempatan contohnya pihak Jabatan Agama Islam Negeri berkenaan tahap kefahaman dan pemakaian fesyen bertudung di kalangan masyarakat, khususnya wanita Islam, sekaligus memudahkan pihak Jabatan Agama Islam merancang dan mengadakan kempen-kempen kesedaran, ceramah serta penguatkuasaan berkenaan fesyen bertudung kepada umat Islam.

## **1.7 Batasan Kajian**

1.7.1 Kajian fesyen bertudung ini terbatas kepada remaja yang berada di Pekan Jitra Kedah sahaja. Dengan itu, hasil dan kesimpulan kajian ini mungkin tidak sesuai digunakan dalam situasi kawasan yang berlainan.

1.7.2 Kajian ini dijalankan dengan menggunakan kaedah tinjauan melalui soalselidik. Dengan ini, segala maklumat mengenai responden adalah berdasarkan maklumbalas melalui soalselidik. Oleh itu, kebolehpercayaan dapatan kajian bergantung kepada kesungguhan dan keikhlasan responden menjawab item-item di dalam soalselidik

# BAB DUA



## **BAB DUA**

### **KAJIAN LITERATUR**

#### **2.1 Pendahuluan**

Kajian literatur ini dijalankan untuk meningkatkan lagi pemahaman tentang kajian yang dijalankan dengan merujuk kepada pelbagai buku, jurnal dan lain-lain sumber bacaan yang boleh didapati dari perpustakaan, pusat sumber dan mendapatkan maklumat terkini mengenai kajian daripada internet. Dalam bab ini, penyelidik akan menjelaskan tentang teori, konsep dan operasi dalam fesyen bertudung di kalangan remaja di Pekan Jitra, Kedah.

Selain itu, penyelidik juga merujuk kepada kajian lepas yang mempunyai tajuk yang hampir sama iaitu:

- a) Farahwahida Binti Mohd Yusof & Nur Afzan Binti Muhamad. Aurat Wanita Muslim Menurut Perspektif Islam: Penerimaan Dan Pengamalan Di Kalangan Masyarakat. Universiti Teknologi Malaysia.
  
- b) Ahmad Marzuki Bin Mohamad & Noor Betty Azura Binti Muhamad Radzi. Persepsi Pelajar Wanita Islam UTM Terhadap Fesyen Terkini Dan Tuntutan Menutup Aurat . Universiti Teknologi Malaysia.

Penyelidik hanya merujuk kajian tersebut sebagai pedoman untuk melaksanakan kajian ini. Walaupun tajuk hampir sama namun kajian penyelidik lebih tertumpu kepada fesyen bertudung berbanding kajian-kajian tersebut dan tumpuan kajian penyelidik ialah di Pekan Jitra, Kedah.

## 2.2 Definisi Tudung

Menurut pendapat ulama, *jilbab* atau tudung bererti selendang atau pakaian lebar yang dipakai wanita untuk menutupi kepala, dadanya dan bahagian belakang.<sup>1</sup> Menurut pendapat lain pula, *jilbab* atau tudung bererti pakaian yang dalam (gamis) atau selendang (*khimar*), atau pakaian untuk menapis segenap pakaian wanita bahagian luar untuk menutupi tubuh.<sup>2</sup> Menurut pendapat lain, *jilbab* atau tudung berasal dari bahasa arab yang membawa maksud *jalbu* ertinya menarik atau menghimpun, sedangkan *jilbab* bererti pakaian lebar.<sup>3</sup>

Berdasarkan pendapat-pendapat tersebut dapatlah disimpulkan bahawa *jilbab* atau tudung ini adalah pakaian lebar, longgar, dan menutupi sebahagian besar tubuh sebagaimana yang dinyatakan oleh al-Qurtubi(1985), tudung atau *jilbab* ini adalah pakaian yang menutupi seluruh tubuh.<sup>4</sup> Bagi masyarakat di Malaysia, tudung atau jilbab umumnya diertikan selendang yang menutupi kepala sampai leher dan dada. Definisi ini sebenarnya tidak bercanggah dengan definisi umum di atas dan al-Qurtubi yang mengertikan tudung dengan selendang.<sup>5</sup>

---

<sup>1</sup>Ibnu Munzir(1987). Lisan Al-Arab. Jilid 1. Beirut.(T.tt).Hlmn273.

<sup>2</sup>Majma' Lughah Arabiah(1987).Al-Mu'jam Al-Wasit. Jilid1 Cet. Beirut.(T.tt)Hlmn128.

<sup>3</sup>Op Cit.Hlmn 278

<sup>4</sup>Al-Qurtubi(1985)Tafsir Al-Jami' Al-Ahkam al-Quran (T.tt)14:24.

<sup>5</sup>*Ibid.* Hlmn 78

Perbahasan ahli tafsir berkaitan dengan definisi tudung atau *jilbab* ini adalah seperti di dalam tafsir Ibnu Abbas tentang *jilbab* atau tudung yang dipakai oleh wanita hendaklah menutupi leher dan dada agar terpelihara dari fitnah atau terjauhnya dari bahaya zina.<sup>6</sup>

Menurut tafsir al-Qurtubi, Allah s.w.t memerintahkan semua kaum *muslimah* menutupi seluruh tubuhnya, agar tidak ditunjuk-tunjukkan tubuh dan kulitnya kecuali di hadapan suaminya, kerana hanya suaminya yang bebas menikmati kecantikkannya.<sup>7</sup>

Manakala menurut Abd Karim Zaidan, jilbab atau tudung ini merupakan ibadat dalam mematuhi firman Allah s.w.t. bagi seseorang *muslimah* memakai *jilbab* atau tudung itu, setanding dengan melaksanakan perintah ketika dalam solat kerana kedua-duanya diwajibkan dalam al-Quran.<sup>8</sup>

Apabila seorang *muslimah* menolak untuk memakai tudung seolah-olah ia dengan sengaja menolak hukum Allah s.w.t dan maksudnya di sini adalah telah kafir atau murtad, ekoran menentang al-Quran. Apabila seseorang *muslimah* itu meninggalkan tudung kerana ikut-ikutan atau kelalaian, maka dia telah termasuk dalam golongan orang-orang yang derhaka kepada Allah.<sup>9</sup>

Seterusnya menurut pendapat Sayyid Qutub(1980) di dalam Tafsir Fi Zilali al-Quran pula mengatakan, Allah telah memerintahkan kepada isteri-isteri nabi dan kaum muslimah umumnya agar setiap kali keluar dari rumah hendaklah sentiasa menutupi tubuh dan kepala sampai ke paras dada dengan memakai *jilbab* yang tidak jarang dan tidak terlalu nipis.<sup>10</sup>

---

<sup>6</sup>*Ibid.* Hlmn 80

<sup>7</sup>*Ibid.* Hlmn 81

<sup>8</sup>Zaidan Abd Karim.(1997)Al-Mufassil fi Ahkam Al-Mar'atu Wa Al-Bait Al-Muslim. Cet. 3. Jil 1. Beirut Lubnan. Hlmn 57

<sup>9</sup> Ali Asabuni(1977). Tafsir Ayat Al-Ahkam. Cet Beirut Lubnan. Hlmn 98

<sup>10</sup>Ibnu al-Jauzy(2001)Hukum-hukum wanita. Cet pertama. Hlmn 146

Hal yang dimaksudkan untuk menjaga identiti mereka sebagai *muslimah* agar terpelihara dari tangan-tangan yang jahil. Ini kerana mereka yang bertangan jahil dan kotor itu, pasti akan merasa kecewa serta dapat mengurangkan niatnya untuk melihat wanita yang berpakaian secara terhormat dan mulia secara Islam.<sup>11</sup>

Oleh itu, jelaslah bahawa *jilbab* atau tudung ini ialah kain tudung yang menutupi atau menyerkup seluruh tubuh wanita. Pakaian-pakaian yang selain dari itu bukan seperti yang ditetapkan oleh Allah s.w.t seperti mini telekung atau skaf kepala dan sebagainya.<sup>12</sup> Oleh itu, sebagai remaja *muslimah* hendaklah menutup aurat iaitu tubuh dan mukanya dengan *jilbab* atau tudung apabila berhadapan dengan lelaki *ajnabi*. Contohnya, seperti mendedahkannya dengan sengaja samalah ertinya mengingkari perintah Allah.<sup>13</sup>

Allah s.w.t perintahkan dalam bentuk pemakaian tudung adalah bertujuan untuk memelihara kehormatan wanita di samping dapat memelihara sebarang bentuk kemungkaran yang mungkin berlaku akibat daripada pendedahan aurat. Tidak terdapat sebarang keterangan, yang menunjukkan bahawa tujuan wanita-wanita *muslimah* pada zaman Rasulullah s.a.w itu, memakai *jilbab* atau tudung untuk memelihara wajah mereka daripada debu dan sebagainya. Tapi yang sebenarnya mereka memakai tudung adalah untuk mentaati perintah Allah.<sup>14</sup>

### 2.3 Dalil Pensyariatan

Dalil-dalil yang dikemukakan oleh para ulamak mengenai tuntutan pemakaian tudung di kalangan remaja dan wanita *muslimah* menurut al-Quran adalah seperti berikut:

---

<sup>11</sup>Sayid Qutub(1980). Fi Zilali Al-Quran. Hlmn 367

<sup>12</sup>Abu Makki Al-Karami(1997).40 masalah wanita: Kuala-Lumpur. Visi Madani. Hlmn 84.

<sup>13</sup>Hamizan Bin Hussin(1988) Wanita Islam. Dewan Pustaka Fajar. Hlmn 68.

<sup>14</sup>Abu Muhammad Izzudin(1996)Beberapa Permasalahan Hukum Dalam Islam.(T.tt).Hlmn56

### 2.3.1 Menurut Al-Quran

Dalil pertama seperti mana firman Allah s.w.t:

يَبْنَیْ ءَادَمَ قَدْ أَنْزَلْنَا عَلَیْكُمْ لِبَاسًا یُورِی سَوَءَاتِكُمْ وَرِیْشًا ط وَلِبَاسًا

الَّتَقْوَى ذَٰلِكَ خَیْرٌ ذَٰلِكَ مِنْ ءَايَاتِ اللَّهِ لَعَلَّهُمْ یَذَّكَّرُونَ ﴿٣٦﴾

Maksudnya:

*"Hai anak adam, sesungguhnya kami telah turunkan kepadamu pakaian untuk melindungi auratmu dan pakaian indah untuk perhiasan" dan pakaian takwa itulah yang paling baik. Oleh yang demikian itu adalah sebahagian dari tanda-tanda kekuasaan Allah, mudah-mudahan mereka selalu ingat".*

Surah Al-A'raf(7):26

Penurunan ayat ini, adalah sebahagian perintah Allah s.w.t supaya wanita wajib menutup aurat mereka termasuklah rambut. Oleh yang demikian, wanita wajib bertudung. Ini kerana bertudung salah satu dari cara menutup aurat.

Dalil kedua:

Seperti mana firman Allah s.w.t:

يَا أَيُّهَا النَّبِيُّ قُلْ لِّأَزْوَاجِكَ وَبَنَاتِكَ وَنِسَاءِ الْمُؤْمِنِينَ يُدْنِينَ

عَلَيْهِنَّ مِنْ جَلْبَابٍ ۚ ذَٰلِكَ أَدَّبَنِي ۚ أَن يُعَرَّفَنَ فَلَا يُؤْذِينَ ۗ وَكَانَ اللَّهُ

غَفُورًا رَّحِيمًا ﴿٥٩﴾

Maksudnya:

*"wahai Nabi! Katakanlah pada isteri-isteri dan puteri-puterimu, serta para isteri orang-orang mukmin, agar mereka memakai jilbab atau tudung kerana dengan cara demikian mereka akan mudah dikenal dan tidak akan mudah diganggu orang. Dan adalah Allah maha pengampun lagi maha penyayang".*

Surah Al-Ahzab (33:59)

Dalam ayat tersebut jelas menunjukkan Allah s.w.t memerintahkan para isteri Nabi, anak perempuan dan semua wanita mukmin wajib menutup aurat mereka dan memakai tudung. Perintah itu dimulakan kepada isteri-isteri dan anak-anak baginda s.a.w. ini sebagai satu syarat yang menunjukkan bahawa mereka adalah contoh ikutan terbaik bagi kaum mukmin yang lain. Ini adalah dari segi hikmah dakwah Islamiah.

Dalil ketiga:

Seperti mana firman Allah s.w.t:

وَالْقَوَاعِدُ مِنَ النِّسَاءِ الَّتِي لَا يَرْجُونَ نِكَاحًا فَلَيْسَ عَلَيْهِنَّ جُنَاحٌ أَنْ

يَضَعْنَ ثِيَابَهُنَّ غَيْرَ مُتَبَرِّجَاتٍ بِزِينَةٍ وَأَنْ يَسْتَعْفِفْنَ خَيْرٌ لَهُنَّ<sup>ط</sup>

وَاللَّهُ سَمِيعٌ عَلِيمٌ ﴿٦٠﴾

Maksudnya :

*"Dan perempuan-perempuan tua yang telah berhenti dari (haid dan mengandung) pakaian dengan tidak bermaksud menampakkan perhiasan dan berlaku sopan adalah lebih baik bagi mereka. Dan Allah maha mendengar lagi maha mengetahui"*

Surah An-Nur(24):60

Dalam ayat ini pula telah menjelaskan bahawa Allah s.w.t menafikan dosa terhadap wanita-wanita tua yang berhenti haid dan tidak mempunyai keinginan untuk berkahwin menanggalkan pakaian luar mereka dengan syarat tidak bermaksud untuk menampakkan perhiasannya. Maksud ayat ini ia membolehkan wanita tua itu menampakkan muka dan tapak tangannya. Ini kerana, jenis pakaian yang dipakai oleh

wanita *muslimah* Arab adalah yang menutup seluruh tubuh wanita. Disini jelaslah bahawa bertudung adalah wajib bagi wanita muslimah<sup>15</sup>.

Kesimpulan dari ayat al-Quran di atas ialah bertudung adalah wajib kepada semua kaum wanita *muslimah*. Kewajipan memakai tudung bukanlah bertujuan untuk menyusahkan mereka tetapi bertujuan untuk memuliakan mereka.<sup>16</sup>

### 2.3.2 Menurut Hadis

Sabda Rasulullah dalam sebuah hadis:

أن النبي صلى الله عليه وسلم قال: من جر ثوب خيلاء لم ينظر الله اليه يوم القيامة فقالت أم سلمة: فكيف يصنع النساء بديولهن؟ قال: يرخينه شبرا فقالت: تتكش أقدامهنز قال: يرخين دراعا ولا يزدن عليه<sup>17</sup>.

Maksudnya:

*Rasulullah s.a.w bersabda: "Allah tidak akan melihat orang yang menjulurkan bajunya ke bawah kerana sombong" bertanyalah Ummu Salamah kepada Rasulullah s.a.w: "apa harus diperbuat oleh kaum wanita dengan baju panjangnya?. Jawab Rasulullah s.a.w: Hendaklah mereka mengulurkannya satu jengkal ke bawah". Ummu Salamah berkata lagi: kalau begitu akan terbuka tapak kaki mereka". Berkata Rasulullah s.a.w: "hendaklah mereka mengulurkan satu hasta dan jangan ditambah lagi".*

(Hadis Riwayat Al-Bukhari Dan Muslim)

<sup>15</sup> Dian solehah(1991)*Jilbab dan rambut sihat*. Terbitan Fikahati Aneska. Indonesia. Hlmn 94

<sup>16</sup> *Ibid*. Hlmn 95

<sup>17</sup> Abu Hasan Muslim. Muslim. Kitab Libas Wazzainah, Bab Tahrim Jar al-Thaubu Khuyala Wa Bayan Haddu Ma Yajuz Irkhauh Ilaihi Wa Maa Yashtahabu, no Hadis 42. (T.t).(T.p).



Hadis ini merupakan dalil yang menunjukkan tentang hukum wajibnya menutup kedua-dua belah telapak kaki wanita. Ini merupakan masalah yang sudah diketahui antara para sahabat Rasulullah s.a.w. sedangkan kedua-dua telapak kaki lebih menimbulkan fitnah daripada kedua-dua belah telapak tangan dan muka. Peringatan ini bagi sesuatu masalah yang lebih berat dan besar. Jika ada orang dilarang untuk berbicara, tentu ia lebih dilarang untuk berteriak dan bersorak sorai sepertimana di dalam syariat Islam ia tidak menutup bahagian tubuh yang sedikit boleh menimbulkan fitnah dengan membiarkan kaum wanita membuka bahagian yang banyak menimbulkan fitnah.<sup>18</sup>

## 2.4 Hukum

Isu tudung pada hakikatnya tidak sepatutnya menjadi polemik masyarakat umat Islam yang tidak berkesudahan.<sup>19</sup> Isu ini bukan isu etika pakaian sehingga ia harus dipertimbangkan sama ada perlu atau tidak, sesuai atau tidak kepada masyarakat kita atau bila dan di mana ia wajar dipakai. Malah, isu ini bukanlah isu yang boleh diperdebatkan atau dibincangkan dalam mencari kaedah pelaksanaan yang terbaik, atau sama ada ia harus diwajibkan atau tidak. Isu tudung adalah isu yang berkaitan hukum syarak dan kedaulatannya. Oleh yang demikian, umat Islam wajib memartabatkan hukum syarak dan wajib terikat setiap masa tanpa menilai pangkat mahupun kedudukan. Inilah hakikat pemakaian tudung yang sebenar.

Di dalam surah An-Nur, Allah s.w.t tidak menerangkan lebih lanjut tentang maksud ayat dan tidak terdapat *Hadis Qauli* (ucapan nabi) yang sahih tentangnya namun begitu terdapat *Hadis Iqrari* (pengakuan nabi) yang benar tentangnya amat banyak sekali. Ini merupakan hadis yang berbentuk perakuan Nabi terhadap para sahabat wanita yang semuanya bertudung.<sup>20</sup>

---

<sup>18</sup> Hj Suhairi Ilyas.(1988)Pustaka Al-Mizan. Hlmn 80

<sup>19</sup> Af-Zalur Rahman(1994)*Ensiklopedia Sirah: Peranan wanita Islam*. Jil 5. Kuala Lumpur: Dewan bahasa dan Pustaka. Hlmn 326

<sup>20</sup> Ibn al-Jawzi(2001)110 *hukum-hukum wanita*. Cet 1. Hlmn 146

Jelas sekali, apabila perintah kewajipan memakai tudung diturunkan, kaum wanita Islam zaman awal tidak mempersoalkan sama ada boleh atau tidak, sesuai atau tidak, bila dan di mana dan tidak pula meminta para pemimpin membincangkan soal pemakaian tudung.

Namun, mereka segera menyambut perintah tersebut dengan mengoyakkan sebahagian kain sarung mereka dan dijadikan sebagai penutup kepala dan dada mereka. Mereka melakukan kerana menginginkan keredhaan Allah semata-mata dan bukan mendapat keredhaan manusia atas sebab ingin terkenal.<sup>21</sup>

Golongan wanita Islam seperti inilah yang sepatutnya dijadikan contoh dan teladan kepada kaum wanita zaman kini untuk segera melaksanakan perintah pemakaian tudung, sekiranya merasakan diri beriman kepada Allah s.w.t.<sup>22</sup>

## **2.5 Konsep Pemakaian Tudung**

### **2.5.1 Menurut Syarak**

Wanita diwajibkan menutup aurat kerana anggota mereka adalah ciptaan Allah yang sangat menarik dan penuh keindahan. Kewajipan menutup aurat sebenarnya adalah untuk menjaga kehormatan dan aurat manusia.

Menurut Syarak, aurat bermaksud sesuatu yang wajib ditutup dan haram diperlihatkan kepada orang lain. Namun ianya, bergantung kepada tempat dan situasi. Para ulama' menyatakan, bahawa aurat wanita ialah seluruh badannya kecuali muka dan tapak tangan.

---

<sup>21</sup> Azamuddin(1997)*Aurat Iman Dan Citra Budaya Islam*. Bil 244. Kuala Lumpur. Yayasan Dakwah Islam Malaysia. Hlmn 56

<sup>22</sup> *Ibid* Hlmn 43

Firman Allah s.w.t:

يٰٓأَيُّهَا النَّبِيُّ قُلْ لِأَزْوَاجِكَ وَبَنَاتِكَ وَنِسَاءِ الْمُؤْمِنِينَ يُدْنِينَ عَلَيْهِنَّ مِنْ جَلْبَابِهِنَّ ذٰلِكَ  
 أَدْنَىٰ أَنْ يُعْرَفْنَ فَلَا يُؤْذَيْنَ ۗ وَكَانَ اللَّهُ غَفُورًا رَّحِيمًا ﴿٥٩﴾

Maksudnya:

“Wahai nabi, Katakanlah kepada isteri-isterimu, anak-anak perempuanmu dan isteri-isteri orang mukmin: (hendaklah mereka mengulurkan jilbabnya ke seluruh tubuh mereka). yang demikian itu supaya mereka lebih mudah untuk dikenal, Karena itu mereka tidak diganggu. dan Allah adalah Maha Pengampun lagi Maha Penyayang”.

Surah Al-Ahzab(33):59

Ayat ini telah menjelaskan tentang kewajiban setiap kaum muslimah untuk memakai tudung. Sebelum turunnya ayat ini, kaum wanita sering diganggu oleh kaum lelaki yang tidak berakhlak setiap kali mereka keluar dari rumah. Waktu itu, tiada perbezaan di antara pakaian hamba dan pakaian wanita merdeka. Lalu turunlah ayat ini memerintahkan kaum muslimah untuk memakai tudung bila keluar rumah agar tidak lagi diganggu selain untuk membezakan hamba dan wanita merdeka.<sup>23</sup> Kewajipan menutup aurat ini dipertanggungjawabkan kepada kaum muslimah apabila telah mencapai usia baligh. Apabila telah mencapai *menapous*, maka hukum hijab ini telah dilonggarkan.<sup>24</sup>

<sup>23</sup> Amir Bin Taufik.1986.*Jilbab.Pustaka Jasmin*. Hlmn 98

<sup>24</sup> Maharor Saleha.1997. *Aurat Dan Imej Wanita*. Bil 244. Kuala-Lumpur. Yayasan Dakwah Islam Malaysia. Hlmn15

Firman Allah s.w.t:

وَالْقَوَاعِدُ مِنَ النِّسَاءِ الَّتِي لَا يَرَجُونَ نِكَاحًا فَلَيْسَ عَلَيْهِنَّ جُنَاحٌ أَنْ يَضَعْنَ  
ثِيَابَهُنَّ غَيْرَ مُتَبَرِّجَاتٍ بِزِينَةٍ وَأَنْ يَسْتَغْفِرْنَ خَيْرٌ لَّهُنَّ ۗ وَاللَّهُ سَمِيعٌ عَلِيمٌ ﴿٦٠﴾

*Dan perempuan-perempuan tua yang telah terhenti (dari haid dan mengandung) yang tiada ingin kahwin (lagi), tiadalah atas mereka dosa menanggalkan pakaian mereka dengan tidak (bermaksud) menampakkan perhiasan, dan berlaku sopan adalah lebih baik bagi mereka. dan Allah Maha mendengar lagi Maha Bijaksana.*

Surah An-Nur(18):60

Kewajipan menutup aurat ini dipertanggungjawabkan kepada kaum muslimah apabila telah mencapai usia baligh. Apabila telah tiba tahap *menapous*, maka hukum hijab ini telah dilonggarkan.<sup>25</sup>

Sesungguhnya, pemakaian tudung bagi seseorang wanita Islam mengandungi hikmah yang banyak. Di antaranya, adalah supaya lebih mudah diketahui, dikenali dan dikawal. Pemakaian tudung juga dapat mengelak diri seseorang wanita Islam itu daripada diganggu dan dan mengurangkan risiko melakukan maksiat.<sup>26</sup>

<sup>25</sup> Salina Ibrahim.1999.*Tudung, Tutup Aurat atau Fesyen*. Al-Islam. Bil 301. Kuala-Lumpur:Utusan Publication. Sdn Bhd

<sup>26</sup> *Ibid*.Hlmn 100

### 2.5.2 Menurut Adat

Adat di sini bermaksud kebiasaan wanita Islam di Malaysia mengenai konsep pemakaian tudung. Contohnya, pada era 70-an wanita yang memakai tudung sering dianggap wanita kampung, berfikiran sempit dan pelbagai anggapan negatif mengenai mereka. Fenomena ini disebabkan oleh pengaruh pemodenan di dalam kehidupan wanita Islam yang menuntut kepada gaya barat.<sup>27</sup>

Pada era 80-an pula, wanita yang bertudung dianggap sebagai pendakwah dan ahli agama disebabkan memakai tudung. Ini kerana tudung dipakai untuk ke majlis-majlis agama, Masjid, Hari Raya, kenduri dan majlis-majlis tertentu. Di sini jelas menunjukkan pemakaian tudung merupakan pakaian rasmi bagi sesuatu majlis bukan sebagai suatu kewajipan menutup aurat sepertimana yang ditetapkan oleh syarak.<sup>28</sup>

Sehubungan itu, pemakaian tudung bukanlah sesuatu yang ganjil, bahkan majoriti wanita Islam di Malaysia bertudung, walaupun ada sesetengah itu tidak menepati syariat agama.<sup>29</sup>

## 2.6 Perkembangan Fesyen Tudung Sejak Tahun 1960-an Sehingga Sekarang

Pemakaian tudung pada era 60-an dan 70-an tidak memenuhi ketetapan yang disyariatkan oleh Islam. Hal ini disebabkan oleh keseluruhan wanita ketika ini tidak memahami cara pemakaian tudung sebenar yang diingini oleh Islam. Wanita yang bertudung ketika ini dianggap ganjil oleh masyarakat sekeliling sehingga ada di antara mereka ditertawakan dan diejek. Pemakaiannya hanya sekadar mengenakan selendang panjang yang diletakkan di atas kepala tanpa mengenakan anak telekung atau serkup.

---

<sup>27</sup> *Ibid.* Hlmn 301

<sup>28</sup> Muhammad Haniff Hassan. 1999. *Di Sebalik Aurat Wanita Islam. Al-Takwim.* Hlmn 45

<sup>29</sup> *Ibid.* Hlmn 46

Jenis selendang yang digunakan agak jarang dan tipis sehingga menampakkan warna kulit dan serkup.<sup>30</sup>

Pada era 80-an kefahaman wanita pada masa ini semakin meningkat. Mereka sudah dapat menerima Islam seadanya. Mereka yang bertudung tidak lagi ditertawakan atau diejek. Cara pemakaiannya tidak banyak beza dari sebelumnya.<sup>31</sup> Mereka masih lagi mengenakan selendang yang hanya diselempangkan tetapi pemakaian tersebut ditambah dengan pemakaian serkup atau anak telekung. Ini kerana mereka sudah mula memahami bahawa rambut adalah sebahagian aurat wanita.<sup>32</sup>

Pada era 90-an hingga sekarang, wanita kebanyakannya telah memahami tentang kewajipan menutup aurat (bertudung). Mereka mengetahui rambut adalah sebahagian daripada aurat wanita. Oleh yang demikian, cara pemakaian tersebut bagi era 90-an hingga sekarang banyak bezanya dengan era 60-an hingga 80-an.<sup>33</sup> Cara pemakaiannya juga telah bertukar, ada yang bertudung disingkapkan ke bahu, ada pula meletakkan kerongsang di bahagian depan, ada pula diselempangkan tudung itu hingga menampakkan leher dan bermacam-macam lagi. Walaupun mereka telah memahami rambut adalah aurat, tetapi terdedah pula pada bahagian yang lain. Ini kerana, walaupun bertudung tetapi mereka masih berpakaian tidak mengikut syariat Islam yang ditetapkan seperti menampakkan bentuk badan dan dada mereka. Pada pandangan mereka walau apa cara sekalipun pemakaian tudung, ia masih memenuhi syarat menutup kepala.<sup>34</sup>

---

<sup>30</sup> *Op Cit.* Hlmn 48

<sup>31</sup> *Ibid.* Hlmn 49

<sup>32</sup> \_\_, (T.t) Ensiklopedia Islam (I). Jakarta: PT Ichtiar Van Hoeve

<sup>33</sup> \_\_, 1996. Ensiklopedia Malaysiana. Cet 3. Kuala-Lumpur. Anzagain Sdn Bhd

<sup>34</sup> Emma Masri. 2004. *Fesyen Dalam Bertudung*. Nur. Bil 304. Shah Alam: Karang Kraf Publication sdn Bhd. Hlmn 47

## 2.7 Kesimpulan

Pemakaian tudung adalah satu kewajipan syarak. Di sini, tudung tidak boleh dianggap sebagai satu adat atau budaya bagi masyarakat melayu. Perkara ini adalah perlu kerana ramai di kalangan masyarakat Islam tidak memahami dengan jelas berkaitan pemakaian tudung yang sah mengikut syarak.<sup>35</sup>

Hukum pemakaian tudung wajib dilaksanakan bersama-sama dengan hukum-hukum, peraturan dan sistem Islam yang lain. Oleh yang demikian, masyarakat Islam memartabatkan hukum syarak dan wajib terikat pada setiap masa tanpa menilai pangkat dan kedudukan.<sup>36</sup>

Manakala, dalam isu yang berkaitan fesyen atau bentuk pemakaian tudung, remaja masa kini banyak terikut-ikut pada perkembangan semasa terutama sekali dengan gaya bertudung. Walau apa pun fesyen bertudung yang dipakai ia seharusnya mencapai matlamat penutupan aurat yang sebenar iaitu menutupi rambut hingga ke paras dada.<sup>37</sup>

---

<sup>35</sup> \_\_, *Ensiklopedia Islam*. Jil 2. Kuala-Lumpur: Malaysiana Encyclopedia Research Centre Bhd. Hlmn 53

<sup>36</sup> *Ibid.* Hlmn 58

<sup>37</sup> *Op Cit.* Hlmn 54

# BAB TIGA



## **BAB TIGA**

### **METODOLOGI KAJIAN**

#### **3.1 Pengenalan**

Bab ini akan menghuraikan tentang beberapa aspek yang berkaitan dengan pengkaedahan dan prosedur kajian. Tujuan kajian adalah untuk mengkaji mengenai fesyen pemakaian tudung di kalangan remaja, satu kajian di Pekan Jitra. Dihuraikan juga kaedah dan tatacara kajian termasuk reka-bentuk kajian, pemilihan sampel, instrumentasi, prosedur pengumpulan data dan teknik penganalisan data.

#### **3.2 Waktu dan lokasi penyelidikan**

Penyelidik bercadang untuk melakukan soal selidik pada 12 dan 13 Oktober 2013 jam 9.00 pagi sehingga 11.00 pagi, di Pekan Jitra Kedah. Penyelidik beranggapan waktu tersebut amat sesuai untuk melakukan soal selidik kerana umat Islam bakal menyambut hari raya Aidil-Adha pada 15 Oktober 2013. Lokasi penyelidikan ini hanya dalam Pekan Jitra sahaja.

### **3.3 Responden**

Responden yang akan dipilih oleh penyelidik ialah responden dari kalangan remaja perempuan beragama Islam. Pemilihan responden berdasarkan persetujuan responden yang ditemui bagi menjawab kertas soal selidik yang telah disediakan kepada responden.

### **3.4 Reka bentuk kajian**

Rekabentuk kajian adalah kaedah bagi membolehkan maklumat diperolehi untuk menjawab masalah kajian yang dibina. Rekabentuk kajian adalah sebagai keseluruhan rangka kerja penyelidikan bagi menjawab dan mencapai objektif kajian. Kajian yang dijalankan ini adalah berbentuk deskriptif iaitu untuk mengetahui fesyen bertudung dikalangan remaja khususnya di Pekan Jitra, Kedah.

Kajian berbentuk deskriptif ini juga dikenali sebagai kajian secara tinjauan. Menurut Cohen dan Manion dalam Mohamad Najib Abdul Ghafar (1999:46) tinjauan ialah mengambil data dalam satu masa tertentu sahaja, selalunya menggunakan set soal-selidik. Oleh itu, penyelidik memilih untuk mengedarkan set borang soal selidik kepada setiap responden bagi memperolehi maklum balas dengan mudah.

Pendekatan ini dipilih kerana cara ini dapat memperolehi data terpiawai dengan berkesan dan mudah. Burns(1990), menyatakan kaedah tinjauan bersifat saintifik, logik dan khusus. Melalui kaedah ini ukuran kuantitatif dan kualitatif mudah diperolehi.

Manakala responden-responden pula lebih memahami fesyen bertudung berdasarkan pandangan masing-masing

Penyelidik menggunakan soal selidik sebagai instrumen adalah kerana soal selidik ini dapat mengurangkan kos perbelanjaan, menjimatkan masa dan tenaga penyelidik bagi pengumpulan data. Selain itu, soal selidik ini mengandungi arahan dan soalan-soalan yang sama untuk dijawab oleh semua responden yang terlibat dalam kajian ini. Data yang dikumpul dan hasil kajian ini dapat memberi maklumat untuk mencapai objektif yang telah ditetapkan.

### **3.5 Populasi Kajian**

Populasi sasaran kajian ini terdiri daripada remaja-remaja perempuan yang berada di Pekan Jitra Kedah. Responden-responden diberi soal selidik tanpa melihat kepada latar belakang keluarga. Menurut Najib (1999), penentuan bilangan sampel dalam sesuatu kajian amat penting supaya sampel tersebut dapat mewakili populasi yang dikaji. Beliau juga menyarankan lebih banyak nilai peratusan sampel daripada populasi adalah lebih baik kerana sampel yang dipilih berkemungkinan besar mempunyai ciri-ciri populasi. Dalam kajian ini, seramai 50 orang responden terlibat dalam kajian ini. Menurut Mohammad Najib Abdul Ghafar (1999: 38), pemilihan sampel sebanyak 30% sudah memadai bagi mewakili populasi.

### **3.6 Kaedah Persampelan**

Dalam kajian ini, kaedah persampelan yang digunakan ialah persampelan rawak mudah. Terdapat empat kaedah utama dalam membuat persampelan iaitu persampelan rawak mudah, persampelan rawak berlapis, persampelan berkelompok dan persampelan sistematik. Kaedah persampelan ini dipilih mengikut kesesuaian kajian. Oleh yang demikian, dalam kajian ini pengkaji memilih persampelan rawak mudah iaitu sampel kajian daripada jumlah populasi.

Untuk kajian ini bilangan sampel yang digunakan adalah seramai 50 orang responden. Menerusi kajian ini, responden berpeluang menilai dan melahirkan pendapat mereka tentang fesyen bertudung pada masa kini.

### **3.7 Instrumen Kajian**

Instrument kajian yang digunakan dalam penyelidikan ini ialah borang soal selidik bagi memenuhi objektif kajian. Berdasarkan kepada borang soal selidik, penyelidik telah menggunakan instrumen soal selidik Ahmad Marzuki Bin Mohamad dan Noor Betty Binti Muhamad Razi (2008) yang lepas untuk dijadikan model dan telah diubahsuai oleh penyelidik bertepatan dengan sorotan kajian.

Instrument kajian yang digunakan dalam penyelidikan ini ialah borang soal selidik bagi memenuhi objektif kajian. Set soal selidik yang disediakan mengandungi 30 soalan dengan tiga bahagian iaitu bahagian A, B, dan C. bahagian A adalah berkaitan maklumat responden mengikut umur, status perkahwinan, taraf pendidikan, latar belakang pendidikan, tempat tinggal dan kerjaya. Bahagian ini mengandungi soalan jenis *Thurston* di mana responden hanya menanda salah satu daripada pilihan jawapan. Manakala bahagian B pula mengandungi 6 soalan berkaitan reaksi responden terhadap

fesyen bertudung. Bahagian C mengandungi 19 soalan berkaitan persepsi responden berkaitan fesyen bertudung.

### **3.8 Prosedur Pengumpulan Data**

Kajian ini dijalankan dengan menggunakan kaedah tinjauan melalui soalselidik. Pengumpulan data soalselidik akan dilakukan dalam tempoh dua minggu dan diharap soalan-soalan yang dikemukakan akan dijawab oleh responden-responden dengan baik dan memuaskan.

Setelah soal selidik disediakan, penyelidik sendiri akan mengemukakan borang soalselidik kepada responden iaitu dari kalangan remaja perempuan yang beragama Islam di Pekan Jitra. Prosedur dalam menjalankan kajian ini ialah :

- a) Memilih masa yang sesuai untuk berjumpa dengan responden bagi menjalankan soal-selidik .
- b) Menerangkan kepada responden tujuan kajian yang dijalankan.
- c) Responden diberikan masa yang cukup untuk menjawab soalan yang terdapat dalam soal selidik tersebut.

Contoh prosedur kajian yang telah digunakan oleh penyelidik dalam menyiapkan tugas ini ialah dengan menggunakan soal selidik. Dalam mengemukakan soal selidik, penyelidik telah menggunakan beberapa bentuk soalan seperti soalan tertutup dichotomous, maklumat demografi, dan soalan terbuka. Antara bentuk soalan yang penyelidik gunakan dalam soal selidik tersebut ialah:

- a) Soalan tertutup dichotomous di mana skala soalan ini mengandungi dua pilihan jawapan samada ya atau tidak, benar atau salah, ada atau tidak ada dan setuju atau tidak setuju.
- b) Soalan demografi di mana skala soalan bagi kaji selidik tersebut meminta maklumat demografi responden seperti jantina, tahap ekonomi responden dan sebagainya.
- c) Soalan terbuka iaitu bentuk soalan yang meminta responden untuk memberi penjelasan atau pandangan yang berbentuk ayat.

### **3.9 Penganalisan Data**

Dalam kajian ini data yang dikumpul melalui soalselidik akan diproses dan dianalisis dengan menggunakan program SPSS (Statistical Packages For Social Science) for MS Windows release proses penganalisan dapat melibatkan dua jenis analisis iaitu analisis deskriptif dan analisis inferensi.

Pengkaji memilih untuk menggunakan perisian ini kerana perisian ini mudah untuk digunakan dan hasil dari proses analisis adalah tepat dan mudah untuk dibuat kesimpulan data.

Hasil dari proses analisis data ini, dapatan analisis akan dipaparkan dalam bentuk jadual yang menunjukkan kekerapan, min dan peratusan. Setiap keputusan yang diperolehi akan dibincangkan mengikut setiap item dengan berpandukan objektif kajian.

### 3.10 Kesimpulan

Kesimpulannya, penyelidik akan melaksanakan kaji selidik dengan menggunakan kaedah soal selidik sebagai sumber utama penyelidik. Penyelidik bercadang untuk melakukan soal selidik pada 12 dan 13 Oktober 2013 jam 9.00 pagi sehingga 11.00 pagi, di Pekan Jitra Kedah. Responden yang akan dipilih oleh penyelidik ialah responden dari kalangan remaja perempuan beragama Islam. Data kajian akan dikutip daripada sampel melalui soalselidik. Populasi sasaran kajian ini terdiri daripada remaja-remaja perempuan yang berada di Pekan Jitra Kedah. Bilangan sampel yang digunakan adalah seramai 50 orang reponden. Instrumen kajian yang digunakan dalam penyelidikan ini ialah borang soal selidik bagi memenuhi objektif kajian. Set soal selidik yang disediakan mengandungi 30 soalan dengan tiga bahagian iaitu bahagian A, B, dan C. Kajian ini dijalankan dengan menggunakan kaedah tinjauan melalui soalselidik. Data yang dikumpul melalui soalselidik akan diproses dan dianalisis dengan menggunakan program SPSS (Statistical Pacakages For Social Science).

.

# BAB EMPAT



## **BAB EMPAT**

### **HASIL TEMUAN DAN PERBINCANGAN**

#### **4.1 Pendahuluan**

Dalam bahagian ini, penyelidik akan menghuraikan hasil kaji selidik berkenaan fesyen pemakaian tudung di kalangan remaja di Pekan Jitra, Kedah. Penyelidik akan membincangkan berkaitan profil responden, reaksi responden dan sokongan responden terhadap fesyen pemakaian tudung.

#### **4.2 Latar Belakang Responden**

Kajian ini dibahagikan kepada beberapa bahagian iaitu mengenai maklumat responden, reaksi responden dan sokongan responden. Berdasarkan kepada analisis yang dibuat, bahagian latar belakang responden adalah dari golongan remaja sahaja. Kebanyakan responden berumur antara 12-25 tahun sahaja. Umur responden telah dibahagikan kepada tiga bahagian sebagaimana yang terdapat dalam jadual kekerapan 4.2.1 di bawah.

#### Jadual Kekerapan 4.2 Umur Responden

<b>Bil</b>	<b>Umur</b>	<b>Jumlah</b>	<b>Peratus</b>
1	12-15 tahun	7 orang	14%
2	16-20 tahun	19 orang	38%
3	21-25 tahun	24 orang	48%

Sumber: Soal selidik

Berdasarkan kepada jadual kekerapan 4.2.1 di atas responden yang berumur 12-15 tahun adalah sebanyak 14% iaitu seramai 7 orang responden, manakala responden yang berumur 16-20 tahun sebanyak 38% terdiri daripada 19 orang responden manakala peratus tertinggi ialah sebanyak 48% terdiri daripada 24 orang responden yang berumur antara 21-25 tahun.

Selain itu, penyelidik juga membuat analisis mengenai status perkahwinan responden. Penyelidik telah membahagikan kepada dua bahagian iaitu bujang dan berkahwin. Penerangan lanjut boleh didapati dalam jadual kekerapan 4.2.2 berikut.

#### Jadual Kekerapan 4.2.2: Status Perkahwinan Responden

<b>Bil</b>	<b>Status</b>	<b>Jumlah</b>	<b>Peratus</b>
1	Bujang	46 orang	92%
2	Berkahwin	4 orang	8%

Sumber: Soal Selidik

Berdasarkan kepada jadual kekerapan 4.2.2 tersebut kebanyakan responden masih bujang berdasarkan peratusan sebanyak 92% iaitu terdiri daripada 46 orang. Bagi responden yang berstatus sudah berkahwin adalah peratusan yang paling rendah iaitu sebanyak 8% terdiri daripada 4 orang.

Di samping itu, penyelidik juga menganalisis taraf pendidikan responden. Taraf pendidikan penting bagi mengetahui tahap kematangan dan pengetahuan responden apabila menjawab soalan yang dikemukakan penyelidik telah membahagikan kepada enam bahagian berkaitan taraf pendidikan yang bersesuaian dengan keadaan atau latar belakang responden. Berikut adalah jadual kekerapan pendidikan responden.

Jadual Kekerapan 4.2.3: Taraf Pendidikan Responden

<b>Bil</b>	<b>Taraf Pendidikan</b>	<b>Jumlah</b>	<b>Peratus</b>
1	PMR	4 orang	8%
2	SPM	20 orang	40%
3	STPM	Seorang	2%
4	Sijil	8 orang	16%
5	Diploma	15 orang	30%
6	Ijazah	2 orang	4%

Sumber: Soal Selidik

Antaranya ialah seperti Penilaian Menengah Rendah (PMR), Sijil Pelajaran Malaysia (SPM), Sijil Tinggi Pelajaran Malaysia (STPM), Sijil, Diploma dan Ijazah. Responden yang telah mengambil PMR seramai 4 orang iaitu sebanyak 8%, responden yang telah

mengambil SPM seramai 20 orang iaitu sebanyak 40%, hanya seorang responden sahaja yang memiliki STPM iaitu sebanyak 2%, responden yang memiliki sijil seramai 8 orang iaitu sebanyak 16%, responden yang memiliki diploma seramai 15 orang iaitu sebanyak 30% dan responden yang memiliki ijazah ialah seramai 2 orang iaitu sebanyak 4%.

Maklumbalas taraf pendidikan responden yang diperolehi berdasarkan taraf pendidikan boleh dibahagikan kepada tiga peringkat iaitu menengah rendah, pertengahan dan tinggi. Peringkat menengah rendah seperti responden yang memiliki PMR, SPM atau STPM, peringkat pertengahan ialah responden yang memiliki sijil manakala peringkat tinggi ialah responden yang memiliki diploma atau ijazah. Daripada sumber soal selidik yang diperolehi menunjukkan kebanyakan taraf pendidikan responden ialah di peringkat menengah rendah iaitu sebanyak 50% manakala 16% responden di peringkat pertengahan dan 34% responden di peringkat pengajian tinggi. Walaupun kebanyakan taraf pendidikan responden berada di peringkat menengah rendah iaitu sebanyak 50% namun mereka juga mempunyai pengetahuan dan mengikuti perkembangan fesyen bertudung masa kini.

Instrumen seterusnya ialah tentang latar belakang pendidikan responden. Penyelidik telah membahagikan kepada lima kategori iaitu Sek. Men. Agama, Sek. Men. Kebangsaan, Universiti/Kolej, pengajian Pondok dan lain-lain. Pembahagian maklumat latar belakang pendidikan responden dapat dilihat melalui jadual kekerapan 4.2.4 di bawah.

Jadual Kekeperan 4.2.4: Latar Belakang Pendidikan Responden

<b>Bil</b>	<b>Latar belakang Pendidikan</b>	<b>Jumlah</b>	<b>Peratus</b>
1	Sek. Men. agama	5 orang	10%
2	Sek. Men. kebangsaan	27 orang	54%
3	Universiti/Kolej	13 orang	26%
4	pondok	0 orang	0%
5	Lain-lain	5 orang	10%

Sumber: Soal selidik

Berdasarkan latar pendidikan pada jadual kekerapan pada 4.2.4 tersebut, golongan berpendidikan agama adalah sebanyak 10% iaitu sebanyak 5 orang responden, sekolah menengah kebangsaan mencatatkan peratusan yang tertinggi iaitu sebanyak 54% iaitu seramai 27 orang responden, peringkat universiti/kolej mencatatkan 26% iaitu seramai 13 orang dan lain-lain dengan peratusan 10% terdiri daripada 5 orang manakala berpendidikan pondok tidak mencatatkan apa-apa peratusan. Maklum balas banyak diperolehi daripada golongan berpendidikan sekolah menengah kebangsaan berbanding golongan berpendidikan sekolah menengah agama, Universiti/Kolej, dan lain-lain.

Seterusnya penyelidik telah membuat analisis mengenai tempat tinggal responden. Di sini, penyelidik telah membahagikan kepada tiga bahagian iaitu bagi responden yang tinggal di kawasan bandar, pinggir bandar dan di pekan kecil. Penerangan yang lebih terperinci dinyatakan dalam jadual kekerapan 4.2.5 dibawah.

Jadual Kekerapan 4.2.5: Tempat Tinggal Responden

<b>Bil</b>	<b>Tempat tinggal</b>	<b>Jumlah</b>	<b>Peratus</b>
1	Bandar	20 orang	40%
2	Pinggir bandar	7 orang	14%
3	Pekan Kecil	23 orang	46%

Sumber: Soal selidik

Berdasarkan jadual kekerapan 4.2.5 di atas, kebanyakan responden yang menetap di pekan kecil ialah yang paling tinggi dengan catatan peratusan sebanyak 46% iaitu seramai 23 orang responden, manakala responden yang tinggal di bandar mencatatkan peratusan sebanyak 40% iaitu seramai 20 orang dan responden yang tinggal di pinggir bandar mencatatkan peratusan yang paling rendah iaitu sebanyak 14% iaitu seramai 7 orang responden.

Kajian ini menunjukkan bahawa penduduk di pekan kecil lebih peka dan rasional berbanding penduduk bandar dan pinggir bandar dan sudi memberikan kerjasama dalam menjawab soal selidik yang diberikan demi kepentingan bersama. Selain itu, hasil kajian ini juga jelas menunjukkan bahawa penduduk pekan kecil juga tidak terlepas mengikuti maklumat perkembangan fesyen bertudung pada masa kini.

Sehubungan itu, penyelidik juga membuat analisis mengenai kerjaya responden. Jesteru itu, penyelidik telah mengkalisifikasikan kepada dua bahagian iaitu bekerja dan tidak bekerja.

#### Jadual Kekerapan 4.2.6 Maklumat Kerjaya Responden

<b>Bil</b>	<b>kerjaya</b>	<b>Jumlah</b>	<b>Peratus</b>	
1	Tidak bekerja	32 orang	64%	
2	Bekerja	Kerajaan	seorang	2%
		Swasta	14 orang	28%
		Sendiri	3 orang	6%


Sumber: Soal selidik

Daripada jadual di atas menunjukkan seramai 32 orang responden tidak bekerja iaitu meliputi 64%. Manakala responden yang bekerja sebanyak 36% (18orang). Seorang responden bekerja kerajaan (2%), responden yang bekerja di sektor swasta seramai 14 orang (28%) dan 3 orang responden bekerja sendiri (6%). Hasil penyelidikan ini menunjukkan bahawa sebilangan besar responden tidak bekerja kerana masih belajar.

#### 4.3 Reaksi Responden Terhadap Kaji Selidik Yang Dijalankan

Berikut adalah reaksi yang telah diberikan oleh responden terhadap persoalan yang dibangkitkan oleh penyelidik terhadap pandangan responden dengan memakai tudung. Penyelidik telah membahagikan kepada empat bahagian jawapan iaitu dengan memakai tudung responden berasa selamat dan selesa, bertanggungjawab, tiada pilihan dan tidak selesa, berikut dinyatakan perasaan responden memakai berdasarkan carta pai 4.3.1 tersebut.

Carta pai 4.3.1: Reaksi Responden Semasa Memakai Tudung



Sumber: Soal selidik

Berdasarkan carta pai 4.3.1 di atas, sebilangan besar responden iaitu sebanyak 68% iaitu seramai 34 orang responden bersetuju memakai tudung dapat memberi keselesaan dan rasa selamat dari gangguan lelaki atau apa-apa kelakuan sumbang terhadap mereka. Sebilangan besar yang lain pula iaitu sebanyak 15 orang iaitu 30% bersetuju bersetuju bahawa pemakaian tudung merupakan satu tanggungjawab sebagai muslimah untuk memakainya. Sebanyak 2% iaitu seorang responden sahaja yang menyatakan tiada pilihan selain bertudung dan tidak ada seorang pun yang bersetuju kenyataan tidak selesa bertudung.

Kesimpulannya, sebilangan besar responden menunjukkan tanda positif apabila bertudung. Sebahagian besar responden berasa selamat dan selesa manakala sebahagian lagi menunjukkan rasa tanggungjawab mereka terhadap tuntutan agama dengan bertudung. Hanya sebilangan kecil sahaja yang menyatakan tiada pilihan selain bertudung bahkan tidak ada yang menyatakan tidak selesa ketika bertudung.



Seterusnya, penyelidik telah mengutarakan persoalan berkaitan sebab memakai tudung. Penyelidik telah membahagikan kepada lima bahagian iaitu disebabkan oleh tuntutan agama, pengaruh kawan, nampak bergaya, untuk kesihatan rambut dan tuntutan pendidikan atau kerjaya. Ia akan dijelaskan lagi berdasarkan Graf 4.3.2 di bawah.

Graf 4.3.2: Sebab Memakai Tudung




Sumber: Soal selidik

Berdasarkan graf 4.3.2 di atas, seramai 49 orang responden iaitu sebanyak 98% bersetuju bahawa responden bertudung adalah sebab tuntutan agama. hanya seorang responden iaitu 2% menyatakan bahawa responden bertudung disebabkan tuntutan pendidikan atau kerjaya. Walaubagaimanapun tidak seorang pun responden bersetuju bahawa responden memakai tudung sebab pengaruh kawan, nampak bergaya atau untuk kesihatan rambut.

Kesimpulannya, hampir keseluruhan responden memakai tudung atas tuntutan agama menunjukkan bahawa kebanyakan responden faham bahawa bertudung merupakan kewajipan ke atas mereka.

Selain daripada itu, penyelidik juga menganalisis tentang sejak bila bermulanya pemakaian tudung yang dipraktikkan oleh responden dalam kehidupan harian. Penyelidik telah mengklasifikasikannya kepada empat bahagian iaitu bertudung sejak kecil, di sekolah menengah, semasa di alam pekerjaan atau semasa belajar di IPT. Berdasarkan pada graf 4.3.3 yang diberi akan menghuraikan dengan lebih terperinci.

Graf 4.3.3: Sejak Bila Responden Memakai Tudung



Sumber: Soal selidik


Berdasarkan pada graf 4.3.3, seramai 30 orang responden iaitu sebanyak 60% mengakui bahawa mereka bertudung sejak kecil lagi, manakala 17 orang responden iaitu sebanyak 34% menyatakan bahawa mereka bertudung sejak sekolah menengah dan hanya 2 orang responden iaitu 4% mengatakan mereka bertudung sejak bekerja dan seorang responden iaitu 2% menyatakan mereka bertudung sejak mereka berlaraj di Institut Pengajian Tinggi (IPT).

Keputusan ini menunjukkan bahawa kebanyakan daripada responden memakai tudung sejak awal lagi, sebahagian lain di sekolah menengah dan sebahagian kecil yang lain ketika

mula bekerja dan belajar di IPT. Ini menunjukkan hasil yang positif bahawa kebanyakan responden memakai tudung semenjak peringkat awal lagi.

Penelitian penyelidik seterusnya adalah berdasarkan kepada persoalan yang berkisar tentang sesuatu yang mendorong responden bertudung. Ia dibahagikan kepada empat bahagian jawapan iaitu suasana kerja atau belajar, keluarga, motivasi agama, dan berkaitan keperluan kepada fesyen semasa. Selanjutnya kan diperincikan lagi di dalam carta pai 4.3.4 di bawah.

Carta pai 4.3.4: Perkara Yang Mendorong Responden Bertudung



Sumber: Soal selidik

Berdasarkan kepada persoalan mengenai perkara yang mendorong responden untuk bertudung pada carta pai 4.3.4 di atas, penyelidik mendapati sebanyak 8% responden memberi maklumbalas bahawa mereka memakai tudung disebabkan suasana kerja atau belajar. Manakala sebanyak 40% responden menyatakan bahawa pengaruh keluarga yang kuat mendorong mereka bertudung. Memandangkan keluarga amat menitik beratkan nilai-

nilai agama dalam kehidupan seharian. Manakala sebahagian besar responden iaitu 52% responden menyatakan bahawa mereka bertudung hasil motivasi agama yang diberikan samada melalui ceramah agama, kuliah agama, didikan dan sebagainya. Walaupun begitu, tidak ada seorang pun menyatakan perkara yang mendorong kepada pemakaian tudung disebabkan keperluan kepada fesyen semasa.

Berdasarkan kepada hasil soal-selidik ini, penyelidik mendapati bahawa pengaruh keluarga dan motivasi agama menjadi pendorong yang besar kepada remaja untuk bertudung.



Seterusnya di dalam persoalan berkaitan kawan-kawan responden juga turut bertudung. Penyelidik mendapati bahawa sebanyak 92% iaitu seramai 46 orang responden menyatakan di kalangan rakan-rakan mereka juga bertudung. Hanya seorang responden iaitu 2% responden menyatakan bahawa rakan-rakan mereka hanya kadang-kadang sahaja bertudung dan tidak seorang pun dari kalangan responden menyatakan bahawa terdapat dari kalangan rakan-rakan mereka tidak bertudung. Hasil maklumat ini menunjukkan majoriti rakan-rakan responden bertudung dan peratusan ini boleh dianggap amat memberangsangkan dan pengaruh rakan juga memainkan peranan dalam pembentukan sakhshiah remaja Islam.





Seterusnya adalah berhubung dengan ahli keluarga yang begitu konsisten memakai tudung. Di sini penyelidik mendapati sebanyak 96% iaitu seramai 48 orang responden mendapati ahli keluarganya bertudung. Ini menunjukkan bahawa keluarga merupakan model ikutan yang terbaik dalam sesuatu perkara. Manakala hanya 2% iaitu seorang responden sahaja menyatakan bahawa ahli keluarganya kadang-kadang bertudung bahkan tidak ada seorang responden pun menyatakan bahawa ahli keluarganya tidak bertudung. Hasil maklumbalas ini, menunjukkan bahawa institusi keluarga juga turut menyumbang dalam pembentukan sakhshiah seorang muslimah dan pendidikan sebenarnya bermula dari keluarga dan dizahirkan dalam masyarakat seterusnya negara.




#### 4.4 Sokongan Responden Hasil Kaji Selidik Yang Dijalankan

Berdasarkan sokongan responden ini, penyelidik telah mengemukakan sembilan jenis fesyen bertudung yang telah dicadangkan. Hasil penyelidikan tersebut, penyelidik dapat mengenalpasti jenis fesyen tudung yang menjadi pilihan remaja dalam bertudung. Jenis fesyen yang paling digemari oleh responden adalah berdasarkan gambarajah 4.4.1 seperti di bawah.

Gambarajah 4.4.1: Jenis Fesyen Yang Paling Digemari Oleh Responden

Bil	Gambarajah	Peratusan
1	(a) 	24%
2	(b) 	24%

3	(c) 	6%
4	(d) 	20%
5	(e) 	2%
6	(f) 	2%

7	(g) 	0%
8	(h) 	6%
9	(i) 	16%

Sumber: soal selidik

Kebanyakan responden menyukai fesyen (a) dan (b) iaitu masing-masing sebanyak 24% iaitu seramai 14 orang responden menyukainya. Manakala responden yang menyukai fesyen (d) sebanyak 20% iaitu bersamaan 10 orang responden. Bagi fesyen (i) sebanyak 16% iaitu seramai 8 orang dengan gaya tudung bawal.

Manakala bagi fesyen (c) dan fesyen (h), masing-masing mencatatkan 6% iaitu bersamaan 3 orang responden yang menyukainya. Manakala bagi fesyen (e) dan fesyen (f), masing-masing mencatatkan 2% iaitu bersamaan seorang responden yang menyukai fesyen tersebut. Namun bagi fesyen (g), mencatatkan 0%.

Berdasarkan hasil soal selidik ini, sebilangan besar responden menyukai fesyen (a), fesyen (b), fesyen (d) dan fesyen (i) manakala hanya sebilangan kecil responden menyukai fesyen (c), fesyen (h), fesyen (e) dan fesyen (f). Selain itu, hasil kajian ini juga menunjukkan tidak ada seorang responden yang menyukai fesyen tersebut.

Berdasarkan kajian ini, fesyen bertudung sekarang ini banyak dipengaruhi oleh artis, model busana muslimah atau personaliti di media massa, secara tidak langsung turut mempengaruhi remaja mengikuti fesyen tersebut pada masa kini.

Berdasarkan kepada persoalan jenis fesyen yang bersesuaian dengan responden, peratusan tertinggi yang dicatatkan adalah sebanyak 42% iaitu seramai 21 orang responden bagi fesyen (b) kerana ianya menjadi gaya hidup remaja masa kini. Manakala fesyen (a) mencatatkan 36% iaitu sebanyak 18 orang responden menyatakan ianya bersesuaian dengan responden. Hasil kajian ini menunjukkan bahawa fesyen (a) dan fesyen (b) amat sesuai dipakai oleh remaja pada masa kini.




Manakala fesyen yang lain mencatatkan nilai peratus yang rendah seperti fesyen (c) sebanyak 8%, fesyen (h) sebanyak 6% manakala fesyen (h) dan fesyen (i) masing-masing mencatatkan 4%. Hasil kajian ini menunjukkan bahawa fesyen ini bersesuaian dengan remaja masa kini namun ianya kurang mendapat sambutan kerana terdapat fesyen yang lebih digemari remaja masa kini seperti fesyen (a) dan fesyen (b) yang dirasakan lebih sesuai dan menarik untuk digayakan pada masa kini.

Selain itu, hasil kajian juga merekodkan fesyen (e), fesyen (f) dan fesyen (i) tidak mencatatkan apa-apa peratusan. Ini jelas menunjukkan bahawa fesyen ini sudah tidak bersesuaian dengan fesyen remaja masa kini. Berdasarkan peratusan yang diperolehi kebanyakan remaja perempuan Islam di Malaysia memilih tudung sebagai satu cara bergaya daripada mengambil inisiatif bertudung sebagai satu tuntutan agama.

Berdasarkan kepada graf 4.4.2 di bawah berkaitan dengan persoalan kenapa responden memilih untuk berfesyen sedemikian menunjukkan peratusan sebanyak 32% terdiri daripada 16 orang responden bersetuju untuk kelihatan lebih cantik. Manakala sebanyak 26% iaitu seramai 13 orang responden bersetuju bahawa fesyen tersebut kelihatan ringkas. Sepertimana yang kita sedia maklum, kebanyakan remaja amat mementingkan penampilan yang cantik dan menarik. Sedikit sebanyak perkara ini mempengaruhi mereka dalam membuat pilihan terhadap fesyen bertudung.

Graf 4.4.2.: Kenapa Responden Memilih Untuk Berfesyen Sedemikian




Sumber: Soal selidik

Berpandukan kepada graf 4.4.3 di bawah, berhubung dengan persoalan jenis tudung yang paling digemari oleh responden, sebanyak 64% iaitu seramai 32 orang responden memberi maklumbalas bahawa mereka gemar memakai tudung berfesyen kerana kelihatan cantik dan mengikuti perkembangan fesyen, manakala sebanyak 36% iaitu seramai 18 orang responden sahaja yang gemar bertudung pendek iaitu tidak menutupi paras dada, hanya sekadar menutup leher sahaja yang dianggap mudah dan ringkas tanpa membebankan mereka.

Hanya 18% iaitu seramai 9 orang responden gemar memakai tudung labuh iaitu tudung yang agak labuh sehingga ke paras pinggang. Daripada jawapan yang diperolehi dapat disimpulkan bahawa kebanyakan remaja memilih jalan mudah dan hanya ingin kelihatan cantik daripada memenuhi tuntutan syarak dalam penutupan aurat yang sebenar iaitu melabuhkan tudung sehingga ke paras dada.

Graf 4.4.3: Fesyen Tudung Yang Gemar Dipakai Oleh Responden




Sumber: Soal selidik

Berpandukan pada graf 4.4.4 di bawah, penyelidik telah mengklisifikasikan punca kepelbagaian fesyen bertudung kepada empat bahagian iaitu kelihatan cantik dan bergaya, mudah dan nampak selesa, terpengaruh oleh seseorang personaliti dan kurang faham konsep bertudung. Oleh itu, sebanyak 58% iaitu seramai 29 orang responden menyatakan bahawa punca kepelbagaian fesyen bertudung pada masa kini adalah kerana ingin kelihatan cantik dan bergaya. Ini menunjukkan sifat keinginan semula jadi wanita khususnya pada kalangan remaja menyebabkan timbulnya kepelbagaian fesyen pada masa kini. Sebanyak 24% iaitu seramai 12 orang responden pula menyatakan fesyen bertudung tertentu menjadi pilihan kerana ianya mudah dipakai dan selesa.

Selain itu, sebanyak 10% iaitu seramai 5 orang responden menyatakan bahawa punca kepelbagaian fesyen pada masa kini adalah kerana terpengaruh dengan personaliti tertentu dan tidak kurang juga yang berpendapat bahawa kepelbagaian fesyen bertudung adalah kerana kurang faham konsep bertudung yang sebenar menurut syarak. Walaubagaimanapun hanya 8% iaitu seramai 4 orang responden sahaja menyatakan kurang faham konsep bertudung menjadi punca kepelbagaian konsep bertudung.

Carta Pai 4.4.4: Punca Kepelbagai Fesyen Bertudung Remaja



Sumber: Soal selidik

#### 4.5 Pendapat Responden

Seterusnya, adalah berdasarkan pendapat responden berkaitan fesyen pemakaian bertudung, sebanyak 100% responden bersetuju untuk terus bertudung. Sebanyak 78% iaitu seramai 39 orang responden menyatakan bahawa mereka suka bertukar-tukar cara pemakaian tudung dari semasa ke semasa mengikut arus perubahan dan fesyen terkini manakala sebanyak 22% iaitu 11 orang tidak setuju.

Selain itu, sebanyak 76% iaitu seramai 38 orang responden bersetuju bahawa mereka kelihatan cantik dengan kepelbagaian tudung. Manakala sebanyak 24% iaitu seramai 12 orang responden tidak setuju dengan pendapat tersebut dan mereka lebih selesa dengan

kaedah bertudung yang dipraktikkan. Dari segi penampilan pula, untuk bertudung labuh sebanyak 82% iaitu seramai 41 orang responden tidak bersetuju bahawa bertudung labuh akan kelihatan lebih tua. Keadaan ini telah berubah di mana budaya bertudung labuh bukan hanya untuk para ibu-ibu tua yang melanjutkan pengajian di pondok tetapi telah pun dipakai oleh golongan pelajar dan pekerja. Manakala 18% iaitu seramai 9 orang responden bersetuju jika memakai tudung labuh akan kelihatan lebih tua.

Hanya 2% iaitu seorang responden menyatakan bahawa mereka berasa rimas dengan memakai tudung. Selebihnya, 98% iaitu seramai 49 orang responden menyatakan tidak setuju. Hasil kajian menunjukkan sebahagian besar responden amat selesa bertudung berbanding hanya sebilang kecil responden menyatakan rimas atau tidak selesa bertudung.

Disamping itu, sebanyak 98% iaitu seramai 49 orang responden bersetuju bahawa apabila responden bertudung, diri responden akan kelihatan lebih sopan manakala hanya 2% iaitu seorang responden sahaja menyatakan sebaliknya. Hasil kajian ini jelas menunjukkan bahawa dengan bertudung dapat membawa imej sopan sesuai dengan sikap kesopanan kita sebagai umat Islam selain dapat menghindarkan diri mereka dari sesuatu perkara yang tidak diinginkan seperti terhindar diri dari fitnah dan gangguan lelaki.

Selain itu, responden juga memahami dan bersetuju bahawa imej bertudung adalah berbeza dengan imej tidak bertudung dari sudut penampilan hanya 2% iaitu seorang responden sahaja bersetuju manakala yang lain sebanyak 98% iaitu seramai 49 orang responden tidak bersetuju bahawa bertudung atau tidak bertudung bagi mereka sama sahaja iaitu tiada beza dengan orang bertudung.

Bertudung juga tidak melambangkan peribadi seseorang wanita samada baik ataupun buruk. Ini berdasarkan pemerhatian kebanyakan remaja sekarang yang bertudung dan

menutup aurat tetapi masih melakukan maksiat malahan tidak memahami fungsi melaksanakan tuntutan Allah itu. Walaubagaimanapun, hanya 46% iaitu sebanyak 23 orang responden yang bersetuju dengan kenyataan tersebut sebaliknya 54% iaitu seramai 27 orang responden tidak bersetuju bahawa bertudung tidak melambangkan keperibadian pemakainya.

Sebanyak 36% iaitu seramai 18 orang responden tidak bersetuju dengan berpendapat bahawa sekiranya tidak bertudung akan dikatakan tidak taat beragama. Manakala yang bersetuju adalah sebanyak 64% iaitu seramai 32 orang responden. Ini merupakan perkembangan yang positif. Hal ini kerana selain memakai tudung kerana takut dan taat kepada Allah, bertudung juga mampu menangkis persepsi tidak baik seseorang terhadap kita.

Dalam institusi kekeluargaan pula, hasil dari maklum balas menunjukkan sebanyak 82% iaitu seramai 41 orang responden bersetuju bahawa sekiranya responden tidak bertudung, mereka akan dileteri oleh ibu bapa mereka dan sebanyak 18% iaitu seramai 9 orang responden tidak bersetuju dengan persoalan tersebut. Hasil kajian ini menunjukkan bahawa sebilangan besar responden yang ditemui lahir dari keluarga yang amat mengambil berat tentang isu bertudung.

Selain itu, pengaruh rakan sebaya juga turut mencorak penampilan bertudung di kalangan remaja. Berdasarkan kepada kenyataan berikut sebanyak 38% iaitu terdiri daripada 19 orang responden memberikan maklum balas bahawa mereka prihatin terhadap rakan mereka dan tidak bersetuju sekiranya rakan mereka tidak bertudung. Sikap mengambil berat ini sedikit sebanyak membantu masyarakat menuju ke jalan Allah. Manakala sebanyak 62% iaitu seramai 31 orang responden bersetuju kawan-kawan mereka juga tidak bertudung.

Di samping itu, sikap ambil peduli terhadap rakan-rakan atau jiran tetangga dalam memberi nasihat atau teguran ke arah kebaikan, amat kuat dipraktikkan di kalangan masyarakat bandar. Ini berdasarkan kenyataan bahawa sebanyak 94% iaitu terdiri daripada 47 orang responden bersetuju akan menasihati kawan-kawan agar bertudung sebaliknya hanya 6% iaitu terdiri daripada 3 orang responden tidak bersetuju untuk menasihati rakan-rakan yang tidak bertudung agar bertudung.

Hubungan kekeluargaan masyarakat Islam masih utuh berdasarkan sebanyak 100% yang terdiri daripada 50 orang responden bersetuju bahawa mereka turut berasa gembira sekiranya ada di kalangan sanak saudara dan ahli keluarga mereka yang bertudung. Perkara yang baik perlu diteruskan dan diperkukuhkan lagi bagi kepentingan masyarakat Islam amnya. Ini menunjukkan bahawa mereka telah mula menghayati dan memahami fungsi bertudung bukan hanya sekadar berfesyen tetapi adalah tuntutan fardhu ain dalam Islam.

#### **4.6 Kesimpulan**

Kesimpulannya, tidak ada insan di dunia ini yang ingin kelihatan buruk dan hodoh. Bahkan penampilan cantik sememangnya menjadi salah satu naluri bagi setiap manusia. Oleh yang demikian, tidak hairanlah jika ada pelbagai pandangan yang dikemukakan apabila persoalan ini diajukan tentang fesyen dalam bertudung.

Hasil daripada kajian ini, penyelidik mendapati keseluruhan responden memahami apa yang dimaksudkan dengan bertudung, walaupun terdapat sesetengah daripada responden memahaminya hanya sekadar mengikut gaya atau fesyen. Ini disebabkan oleh segelintir responden yang kurang memahami erti konsep pemakaian tudung yang sebenar. Bahkan

responden masih berpegang dengan konsep menutup kepala semata-mata dan bukan berlandaskan syariat Islam yang sebenar.

Antara faktor yang mendorong kepada kepelbagaian fesyen tudung, adalah disebabkan oleh terikut-ikut dengan fesyen dipakai oleh artis-artis atau para personaliti yang mengikut gaya fesyen itu sendiri sepertimana yang diketahui umum. Bertudung menurut Islam adalah terdiri daripada semua jenis material yang menutup aurat iaitu tidak jarang atau nipis. Walaupun ia didatangkan dengan jenis rekaan, bentuk mahupun saiz asalkan ia memenuhi syarat penutupan aurat yang sebenar.

Selain itu, pelaksanaan dalam pemakaian tudung adalah bebas kecuali di sekolah-sekolah atau di pejabat yang disebabkan oleh syarat-syarat yang telah ditetapkan. Islam tidak pernah melarang umatnya untuk berfesyen, selagi ciri-cirinya dipatuhi dan Islam tidak pernah membebaskan umatnya. Sekiranya memakai tudung yang labuh adalah dianggap menyulitkan seseorang untuk melakukan pekerjaan. Oleh yang demikian, pakailah tudung yang sesuai dan ia mestilah tidak terkeluar dari landasan syarak yang sebenar iaitu menutup kepala dari hujung hingga ke paras dada.



# BAB LIMA

## BAB LIMA

### PENUTUP

#### 5.1 Rumusan

Berdasarkan kepada kajian yang telah dijalankan, penyelidik mendapati bahawa kewajipan menutup aurat dalam bab bertudung adalah berpandukan kepada nas-nas al-Quran dan hadis-hadis yang mewajibkan menutup aurat. Kewajipan ini juga, berdasarkan kepada firman Allah s.w.t:

يٰۤاٰدَمُ قَدْ اَنْزَلْنَا عَلَيْكَ لِبَاسًا يُوَارِي سَوْءَ تِكُمْ وَرِيْشًا وَّلِبَاسًا

اَلتَّقْوٰى ذٰلِكَ خَيْرٌ ذٰلِكَ مِّنْ اٰيٰتِ اللّٰهِ لَعَلَّهُمْ يَذَّكَّرُوْنَ ﴿٢٦﴾

Maksudnya:

*"Hai anak adam, sesungguhnya kami telah turunkan kepadamu pakaian untuk melindungi auratmu dan pakaian indah untuk perhiasan" dan pakaian takwa itulah yang paling baik. Oleh yang demikian itu adalah sebahagian dari tanda-tanda kekuasaan Allah, mudah-mudahan mereka selalu ingat".*

Surah Al-A'raf(7):26

Kewajipan ini juga berdasarkan alasan-alasan bahawa hal itu merupakan faktor penunjang kepada wajibnya menutup aurat. Sebagai contoh, seseorang itu wajib bertudung ketika keluar rumah atau berhadapan dengan lelaki *ajnabi* bagi seseorang perempuan.

Menurut konsep pemakaian tudung yang sebenar adalah berlandaskan syarak iaitu menutupi kepala (rambut) dari hujung rambut hingga paras dada tanpa mendedahkan perhiasan kaum wanita kepada tatapan umum iaitu golongan lelaki *ajnabi*. Tujuan penutupan aurat ini adalah untuk memelihara maruah kaum wanita dari diceroboh oleh mereka yang tidak bertanggungjawab. Selain itu, ia dapat membezakan antara muslim dengan wanita bukan muslim.

Bagi pemakaian tudung mengikut adat adalah sekadar menutup kepala dengan memakai skaf sahaja, budaya pemakaian tersebut tidak menepati konsep pemakaian tudung yang sebenar. Tercetusnya fenomena di dalam fesyen pemakaian tudung ini adalah kerana terikut-ikut gaya atau *trend* bertudung para artis. Kebanyakan remaja sekarang menjadikan para artis atau personaliti sebagai *role-model* dalam segala aktiviti harian mereka termasuklah gaya penampilan atau fesyen di dalam pemakaian tudung kini. Hal ini, sedikit sebanyak mendorong kepada timbulnya pelbagai jenis gaya pemakaian tudung.

Jesteru itu, hasil kaji selidik yang telah dilakukan oleh penyelidik ke atas para remaja di Pekan Jitra keseluruhannya memahami tentang konsep pemakaian tudung. Hanya segelintir sahaja yang kurang peka terhadap pemakaian tudung. Ini kerana, kurangnya pendedahan awal dari keluarga tentang bertudung.

Selain dari itu, perkara yang turut mendorong para remaja ini untuk bertudung adalah disebabkan motivasi agama yang diberikan samada melalui ceramah agama, kuliah agama, didikan dan sebagainya. Secara tidak langsung ia dapat mendidik diri remaja ini untuk terus mempraktikkan pemakaian tudung dalam kehidupan seharian.

Peranan keluarga dan kawan-kawan juga penting untuk dijadikan sebagai pendorong atau ikutan yang terbaik. Jika dilihat pada persoalan oleh penyelidik, peratusan yang diterima adalah membanggakan namun fesyen pemakaian tudung menjadi pilihan utama para remaja tampil cantik dan bergaya samada pelajar mahupun yang sudah bekerja.

Selain itu, di dalam Islam juga menuntut umatnya untuk bersifat sederhana dalam aspek kehidupan dunia mahupun akhirat. Ini kerana, Islam melarang umatnya keterlaluhan atau berlebih-lebihan di dalam sesuatu perkara samada dari sudut pemakaian atau berbelanja. Oleh yang demikian, pemakaian tudung menjadi satu kebiasaan di kalangan remaja sekarang setiap kali mereka keluar dari rumah dan dianggap sebagai *trend* dalam memakai tudung, walaupun masih terdapat segelintir remaja yang tidak memahami faktor yang mewajibkan mereka memakai tudung.

Pada masa kini, cara pemakaian tudung remaja masih banyak mengikut kepada gaya fesyen terkini. Busana-busana Islam memainkan peranan yang amat besar di dalam mengeluarkan pelbagai fesyen tudung. Antara fesyen yang paling digemari remaja dalam bertudung adalah mengikut gaya artis tempatan atau model-model muslimah.

Namun begitu, masih terdapat antara mereka yang menyalahgunakan konsep pemakaian tudung yang sebenar. Ini kerana, konsep pemakaian tudung masa kini tidak banyak bezanya, sebahagian daripada mereka bertudung tetapi masih tidak sempurna dan mendedahkan aurat mereka pada pandangan Islam.

Tidak dinafikan masih terdapat di antara golongan remaja yang masih bertudung dan mengikut landasan syarak yang telah ditetapkan.

## 5.2 Saranan

Penyelidik telah mengemukakan beberapa saranan yang difikirkan perlu bagi tujuan menambahkan pengetahuan serta golongan remaja mengenai konsep tudung, antaranya ialah panduan serta bimbingan para ulama' dan perkara agama mengenai sesuatu hukum adalah amat penting bagi kesejahteraan umat. Sekiranya menutup aurat, tetapi tidak terus memperbaiki diri zahir dan batin dari masa ke semasa, inilah antara penyebab gagalnya mesej Islam untuk disampaikan.

Selain itu, tidak bermakna akhlak buruk tidak boleh memakai tudung. Aurat wajib ditutupi tetapi di dalam masa yang sama perbaikilah kesilapan diri dari semasa ke semasa. Walau apa pun, kewajipan bertudung tidak terlepas dari tanggungjawab setiap wanita muslimah samada baik atau buruk akhlaknya.

Seruan kepada menutup aurat dan memakai tudung ini seharusnya terlebih dahulu disahut oleh pemimpin khususnya, dari golongan persatuan wanita. Kempen kesedaran yang berslogankan "wanita lebih selamat jika bertudung" harus diadakan. Di dalam hal ini, bukan bermaksud memberi jaminan peratus jenayah akan berkurangan tetapi juga keyakinan wanita akan lebih selamat terutama dari segi fizikal, mental dan spiritual dengan memakai tudung.

Kempen ini juga adalah bertujuan untuk menerangkan kepada masyarakat dan remaja perempuan khususnya tentang kewajipan menutup aurat. Selain itu, media massa juga turut memainkan peranan penting di dalam usaha penyebaran ilmu-ilmu agama. Ini kerana media massa menjadi tatapan umum pada seluruh masyarakat bagi menampilkan bermacam-macam maklumat.

Selain itu, pihak-pihak berwajib juga perlu memainkan peranan yang penting dengan mengadakan promosi Busana Muslimah di dalam fesyen bertudung kepada masyarakat.

Ini kerana, wanita di kalangan remaja amat gemar kepada kecantikan dan akan sentiasa peka dengan perkembangan fesyen terkini. Dengan itu, pengusaha Busana Muslimah adalah bertanggungjawab dalam mengeluarkan fesyen-fesyen yang menarik sekaligus berlandaskan syariat Islam.

Usaha-usaha lanjutan yang membina sikap, perlu dilakarkan dengan teliti dan seterusnya dijalankan. Di antara langkah-langkah yang perlu diterokai ialah dengan terus menghidupkan serta memperkayakan budaya berdialog yang bersandarkan kepada rasa hormat menghormati dan saling mempercayai antara semua golongan tentang kewajipan memakai tudung.

# BIBLIOGRAFI

## BIBLIOGRAFI

### Al-Quran

Setup Quran In World 2003

### Hadis

Abu Hasan Muslim. Kitab Libas Wazzainah, Bab Tahrim Jar al-Thaubu Khuyala Wa Bayan Haddu Ma Yajuz Irkhauh Ilaihi Wa Maa Yashtahabu, no Hadis 42. (T.t).(T.p).

### Buku Bahasa Melayu

Abdullah B. Jarullah. 1989. *Perempuan Wajib Bertudung*. Kuala-Lumpur: Pustaka Syuhada.

Abu Makki Al-Karami. 1997. *40 Masalah Wanita*. Kuala-Lumpur: Visi Madani.

Abu Muhammad Izzudin. 1996. *Beberapa Permasalahan Hukum Dalam Islam*. Pontian, Pustaka Jahabersa.

Prof. Dr. Ahmad Thib Raya. 2001. *Ensiklopedia Hukum Islam*. Jakarta.: Pustaka P.t Internasa.

Amina Hj Nor. 1997. *Ciri-Ciri Remaja Muslim*. Kuala-Lumpur: Publisher Wisma Yakin.

Amir Taufik. 1986. *Jilbab*. Kuala-Lumpur: Pustaka Jasmin.



A. Suhairy Ilyas. 1988. *Pakaian Wanita Islam Mengikut Al-Quran*. Kuala-Lumpur. Pustaka al-Mizan.

Dian Solehah. 1991. *Jilbab dan Rambut Sihat*. Indonesia. Fikahati.

Hamizan Hussin. 1988. *Wanita Islam*. Kuala-Lumpur. Dewan Pustaka Fajar.

Maharor Salehah. 1997. *Aurat Dan Imej Wanita*. Bil. 244. Kuala-Lumpur. Yayasan Dakwah Islam Malaysia.

Ustaz Mohamad Hanif Hassan. 1999. *Di Sebalik Isu Aurat Wanita Islam*. Kuala-Lumpur: al-Takwim.

Dr. Ruhani. 1990. *Hukum Berhijab Dan Talbiah Menurut Al-Quran*. Kelantan: Pustaka Asa Kenali.

### **Buku Bahasa Arab**

Al-Qurtubi, Muhammad al-Walid. 1996. *Bidayatul Al-Mujtahid Wa Nihayatul Al-Mu'tasid*. Beirut, Lubnan. Dar al-Kitab al-Ilmiah.

Al-Zuhaili, Wahbah (Dr). 1989. *al-Fikh al-Islami Wa Adillatuh*. Damsyik. Dar Al-Fikr.

Zaidan Abd Karim (Dr). 1997. *Al-Mufasil fi Ahkam al-Mar'atu wa al-bait*. Beirut, Lubnan. Mu'assasah Al-Risalah.

### **Kamus**

Hj. Zainal Abidin Safarwan. 1995. *Kamus Besar Bahasa Melayu*. Kuala-Lumpur: Utusan Publication. Sdn Bhd.

\_\_\_,1996. *Ensiklopedia Islam*. Jakarta. P.t Ichtiar Van Hoeve.

\_\_\_,1996. Ensiklopedia Malaysiana. Kuala-Lumpur: Anzagain Sdn Bhd.

\_\_\_,1998. Encyclopedia Research. Kuala Lumpur: Centre Berhad.

### **Makalah dalam Majalah Surat Khabar**

Azamuddin. 1997. *Aurat Iman Dan Citra Budaya Islam, Dakwah*. Kuala-Lumpur: Yayasan Dakwah Islam Malaysia.

Emma Masri. 2004. *Fesyen Dalam Bertudung, Nur*. Shah Alam. Karang Kraf Sdn Bhd.

Salina Ibrahim. 1999. *Tudung, Tutup Aurat Atau Fesyen, Al-Islam*. Kuala-Lumpur: Utusan Publication Sdn Bhd.

### **Tesis**

Farahwahida Binti Mohd Yusof & Nur Afzan Binti Muhamad. 2007. *Aurat Wanita Muslim Menurut Perspektif Islam: Penerimaan Dan Pengamalan Di Kalangan Masyarakat*. Universiti Teknologi Malaysia.

Ahmad Marzuki Bin Mohamad & Noor Betty Azura Binti Muhamad Radzi. 2007. *Persepsi Pelajar Wanita Islam UTM Terhadap Fesyen Terkini Dan Tuntutan Menutup Aurat* . Universiti Teknologi Malaysia.

### **Temubual**

Temubual bersama beberapa orang Responden di Pekan Jitra, Kedah. 12 Oktober 2013 jam 9.00 pagi.

# LAMPIRAN

# LAMPIRAN A

## **REAKSI RESPONDEN TERHADAP “FESYEN PEMAKAIAN TUDUNG DI KALANGAN REMAJA”: SATU KAJIAN DI JITRA.**

**Makluman:** Borang soal selidik ini mempunyai tiga bahagian (A, B dan C). Responden dikehendaki menjawab kesemua bahagian berdasarkan keperluan jawapan. Kajian ini bertujuan mendapatkan reaksi, respon, sokongan dan maklumat responden terhadap fesyen pemakaian tudung di kalangan remaja. Sebarang jawapan tidak memberi kesan betul atau salah. Maklumat responden adalah sulit untuk kajian ini. kerjasama anda didahului dengan ucapan terima kasih.

### **Bahagian A: Maklumat Responden**

Arahan : sila Tandakan (/) pada ruang yang berkenaan

<b>01</b>	<b>Umur</b>	
	12-15	
	16-20	
	21-25	

<b>02</b>	<b>Status Perkahwinan</b>	
	Bujang	
	Berkahwin	

<b>03</b>	<b>Taraf Pendidikan</b>		
	PMR	Sijil	
	SPM	Diploma	
	STPM	Ijazah	

<b>04</b>	<b>Latar Belakang Pendidikan</b>	
	Sek. Men. Agama	
	Sek. Men. Keb.	
	Universiti/Kolej	
	Pondok	
	Lain-lain	

<b>05</b>	<b>Tempat Tinggal</b>	
	Bandar	
	Pinggir Bandar	
	Pekan Kecil	

<b>06</b>	<b>Kerjaya</b>	
	Tidak Bekerja	
	Bekerja	Kerajaan
		Swasta
		Sendiri

### **Bahagian B: Reaksi Responden**

Arahan : sila tandakan ( / ) pada ruangan yang berkenaan.

1. Dengan memakai tudung saya berasa.....

- a) Selamat dan selesa ( )
- b) Bertanggungjawab ( )
- c) Tiada pilihan ( )
- d) Tidak selesa ( )

2. Saya memakai tudung kerana.....

- a) Tuntutan agama ( )
- b) Pengaruh kawan ( )
- c) Nampak bergaya ( )
- d) Untuk kesihatan rambut ( )
- e) Tuntutan pendidikan atau kerjaya ( )

3. Telah lama saya bertudung sejak.....

- a) Sejak kecil ( )
- b) Di Sekolah menengah ( )
- c) Bekerja ( )
- d) Belajar di IPT ( )

4. Perkara yang begitu mendorong saya memakai tudung.....

- a) Suasana kerja atau belajar ( )
- b) Keluarga ( )
- c) Motivasi agama ( )
- d) Keperluan kepada fesyen semasa ( )

5. Kawan-kawan saya juga bertudung.....

- a) Ya ( )
- b) Tidak ( )
- c) Kadang-kadang ( )

6. Ahli keluarga juga konsisten memakai tudung.....

- a) Ya ( )
- b) Tidak ( )
- c) Kadang-kadang ( )

### Bahagian C: Sokongan Responden

Soalan 1 dan 2 berpandukan kepada gambar-gambar berikut:

(a)



(b)



(c)



(d)



(e)



(f)



(g)



(h)



(i)



1. Apakah fesyen tudung yang anda gemar?

Jawapan : ( a ), ( b ), ( c ), ( d ), ( e ), ( f ), ( g ), ( h ) atau ( i )



2. Pada pendapat anda, fesyen apakah yang sesuai bagi remaja pada masa kini?

Jawapan : ( a ), ( b ), ( c ), ( d ), ( e ), ( f ), ( g ), ( h ) atau ( i )

Sila tandakan (/) pada ruang berkenaan pada soalan 3 hingga 5....

3. Mengapa anda berpendapat demikian

- a) Cantik
- b) Ringkas
- c) Ikutan
- d) Tuntutan agama/Syariat

4. Saya gemar memakai tudung.....

- a) Labuh
- b) Pendek
- c) Berfesyen

5. Pada pendapat anda, apakah punca kepada kepelbagaian fesyen masa kini.....

- a) Kelihatan cantik dan bergaya
- b) Mudah dan nampak selesa
- c) Terpengaruh dengan seseorang personaliti
- d) Kurang faham konsep bertudung

Bagi soalan 6 hingga 18, nyatakan ( / ) pada ruang yang berkenaan.

Bil	Pendapat Responden	Ya	Tidak
6.	Saya akan terus bertudung		
7.	Saya suka bertukar-tukar selera cara pemakaian tudung		
8.	Saya akan nampak cantik dengan kepelbagaian bentuk tudung		
9.	Saya nampak lebih tua jika bertudung labuh		
10.	Saya rasa rimas memakai tudung		
11.	Dengan bertudung, saya nampak lebih sopan		
12.	Bertudung atau tidak sama sahaja		
13.	Bertudung tidak menggambarkan keperibadian yang sebenar pemakainya		
14.	Saya takut jika saya tidak bertudung saya dikatakan orang yang tidak taat pada agama		
15.	Ibu bapa saya selalu bising sekiranya saya tidak bertudung		
16.	Kawan-kawan pun tidak kisah kalau saya tidak bertudung		
17.	Saya juga akan menasihati kawan-kawan agar bertudung		
18.	Saya juga suka jika adik atau keluarga dan sanak saudara bertudung		

# LAMPIRAN B

(a)



(b)



(c)



(d)



(e)



(f)



(g)



(h)



(i)

